

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II Bil. 15 Hari Khamis 18hb. April, 1996

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1996 (Ruangan)

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 5, B.10 dan B.13

(Ruangan 60)

Maksud B.15 dan B.16

(Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.4) 1995

Jawatankuasa:

Maksud P.7

(Ruangan)

Maksud P.16

(Ruangan)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN**Penggal Yang Kedua****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah
(Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P.,
P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K.
(Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN RAKYAT**Khamis, 18hb. April, 1996****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN****Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Noh bin Omar.*[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Noh bin Omar tidak hadir]***Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.*[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan tidak hadir]***MAKANAN DALAM TIN - GARIS PANDUAN TARIKH LUPUT**

3. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan garis panduan yang digunakan oleh pihak pembuat/pengeluar untuk menyatakan tarikh luput pada makanan dalam tin.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, penandaan tarikh luput pada makanan dalam tin adalah suatu keperluan undang-undang iaitu di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, peraturan-peraturan tersebut tidak menetapkan garis panduan atau standard yang mesti digunakan atau mesti dipatuhi oleh pihak-pihak pembuat atau pengeluar dalam menyatakan tarikh luput pada barang makanan dalam tin.

Dalam keadaan yang demikian, adalah menjadi suatu tanggungjawab pembuat atau pengeluar untuk menentukan sendiri garis panduan atau standard dalam menyatakan tarikh luput setiap barang makanan dalam tin keluaran mereka. Ini tidak bermakna pengeluar boleh meletakkan apa-apa tarikh dengan sewenang-wenangnya sebagai tarikh luput bagi sesuatu barang makanan dalam tin tanpa tertakluk kepada apa-apa kawal seliaan.

Seseorang yang menandakan tarikh luput pada makanan dalam tin atau membekal atau menawar untuk membekal makanan dalam tin yang ditandakan dengan suatu tarikh luput adalah melakukan satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 jika tarikh luput itu palsu, mengelirukan atau boleh mengelirukan. Undang-undang ini adalah dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun setakat hari ini tidak dinyatakan berapakah jumlah kilang ataupun pihak pembuat yang telah melakukan kesalahan, kalau boleh saya ingin bertanya, apakah biasanya tindakan dikenakan kepada pihak pengeluar atau pembuat yang telah melakukan kesalahan sedemikian? Adakah tindakan yang melibatkan denda mahkamah ataupun penarikan lesen telah dibuat? Kalau ada, berapakah jumlah pada setakat tahun 1996 ini?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, di sepanjang tahun 1993 hingga 1994 sebanyak 187 tindakan telah diambil oleh Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang membabitkan kesalahan menjual makanan yang telah melepasi tarikh luput.

Jenis-jenis tindakan, saya tidak dapat memberi buat masa sekarang. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat perlu, kita boleh sampaikan secara bertulis.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan dan jawapan daripada Timbalan Menteri yang handsome ini [*Ketawa*]. Di dalam MIC, dialah yang terhandsome, Tuan Yang di-Pertua. Apabila seseorang itu membuat barang-barang makanan, bagi memastikan bahawa tarikh luput itu sesuai dengan makanan, adakah pihak mereka ini mendapat khidmat nasihat daripada MARDI ataupun khidmat nasihat daripada SIRIM dan sebagainya kerana seseorang itu boleh membuat makanan, kita katalah makanan yang paling mudah ialah Sekaya ataupun Seri Kaya, orang Kedah panggil 'Sekaya'. Jadi, dia tulis tarikh luput di situ. Adakah hari seminggu atau dua minggu tarikh luput itu bersesuaian dengan makanan? Di sini persoalannya. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian memastikan bahawa tarikh luput yang diletakkan di kotak ataupun di botol dan sebagainya ini benar-benar sesuai dengan makanan yang akan dipasarkan itu?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa pengeluar mempunyai garis panduan atau standard masing-masing untuk menentukan tarikh luput sesuatu produk,

iaitu berjenis-jenis produk yang disenaraikan di bawah akta yang perlu mengandungi tarikh luput iaitu Peraturan 14, Peraturan-peraturan Makanan 1987. Maka untuk melakukan tarikh luput itu pengeluar perlu menjalankan penyelidikan serta kajian-kajian selama satu tempoh yang tertentu ke atas produk-produk tersebut. Tetapi dalam hal ini, kita juga memerlukan kerjasama daripada pengguna-pengguna untuk menentukan bahawa produk-produk yang mereka beli adalah terlebih awal daripada tarikh luput. Kalau mereka dapat pun produk tin yang dijual selepas tarikh luput, mereka juga diharap memberi maklumat kepada kementerian untuk melakukan tindakan.

BANGUNAN POLIS BINTULU - PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN

4. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah peruntukan untuk membaiki jalan yang sangat teruk keadaannya di kawasan polis Bintulu bagi tahun 1996. Apakah jumlah peruntukan untuk penyelenggaraan bangunan polis Bintulu bagi 10 tahun lalu mengikut jenis bangunan, seperti bangunan kediaman, pejabat dan lain-lain.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat

Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan untuk membaiki jalan di kawasan polis Bintulu bagi tahun 1996 ialah sebanyak RM200,000. Jumlah peruntukan untuk penyelenggaraan bangunan polis Bintulu bagi tempoh 10 tahun lalu iaitu dari tahun 1986 hingga 1995 adalah seperti berikut:

Bangunan kediaman	RM127,825
Bangunan pejabat	RM164,210

Jumlah:	RM332,035

=====

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai peruntukan yang ada untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ini, biasanya siapakah yang menjalankan kerja dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan wang yang diperuntukkan adalah diguna sepenuhnya terhadap mana-mana kerja penyelenggaraan yang dijadualkan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, penyelenggaraan dan pembaikan ini, pertama, boleh dibuat melalui Jabatan Kerja Raya (JKR). Yang kedua, ialah secara tender terbuka.

UNIVERSITI SWASTA/KAMPUS CAWANGAN - SYARAT KEMASUKAN

5. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) kriteria pemilihan institusi pengajian tinggi luar negeri untuk membuka cawangannya di Malaysia. Syarat-syarat penubuhan kampus luar di sini; dan
- (b) bentuk jenis kursus yang akan diberi keutamaan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan sedang mengambil tindakan bagi menyediakan dan menetapkan kriteria dan syarat-syarat penubuhan universiti swasta termasuk kampus cawangan bagi universiti asing di Malaysia. Kriteria dan syarat itu akan siap

disediakan apabila Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dikuatkuasakan kelak.

- (b) Dasar-dasar semasa negara ialah memberi penekanan kepada pendidikan sains dan teknologi. Selaras dengan itu, keutamaan akan diberi kepada kursus-kursus pengajian yang bersifat sains dan teknologi.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini berapakah institusi pengajian tinggi luar negeri yang telah membuat permohonan untuk menubuhkan kampus di negara ini dan apakah universiti yang membuat permohonan ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta IPTS, mana-mana universiti dari luar negeri yang hendak menubuhkan cawangannya di sini, maka urusan itu adalah atas undangan ataupun at the invitation of the Minister of Education. Itu yang ditentukan oleh undang-undang. Cuma sekarang ini memang ada hubungan (communication) di antara pihak-pihak yang berkaitan dengan kementerian.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, dalam merangka program tentang kemasukan ataupun mempelawa universiti-universiti luar untuk menubuhkan cawangan di negara kita, tentunya kementerian mempunyai sasaran (target). Jadi, saya ingin tahu kalau boleh, berapakah jumlah IPTS yang akan dijangkakan dijemput dan dipelawa untuk datang membuka cawangan di

negara kita dan daripada negeri-negeri manakah bagi tempoh 10 tahun akan datang?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada tentukan target. Cuma kita akan nilai, teliti mana-mana hubungan yang dibuat oleh mana-mana pihak universiti dan kita akan teliti kesesuaiannya kerana kita cukup berhati-hati dalam soal hendak menubuhkan cawangan mana-mana universiti di negara kita.

PUSAT AKTIVITI BELIA - JUMLAH

6. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) jumlah pusat aktiviti belia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak; dan
- (b) apakah kriteria bagi mewujudkan pusat-pusat aktiviti belia dan apakah pihak kementerian bercadang untuk mengubah cara bagi menggalakkan Rakan Muda memandangkan program ini kurang mendapat publisiti di kebanyakan daerah.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan menyediakan 11 Kompleks Belia dan Sukan di Semenanjung dan 1 di Sarawak dan belum lagi di Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan bercadang membina 52 lagi Pusat Rakan Muda sebagai pusat aktiviti belia di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat aktiviti belia ini diwujudkan berdasarkan perancangan pembangunan kerajaan dan jangkaan perkembangan akan datang. Kerajaan Persekutuan dinasihati oleh kerajaan negeri dalam perancangan ini dari segi kesesuaian lokasi, saiz dan konsentrasi penduduk, aktiviti belia serta status ekonomi daerah (locality).

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan akan terus menggalakkan Program Rakan Muda di setiap peringkat pelaksanaan. Bagi

mengatasi kekurangan publisiti di peringkat daerah, beberapa strategi telah dirancang iaitu:-

- (i) meningkatkan kerjasama dengan pihak media massa;
- (ii) memperkemaskan jentera pelaksanaan daerah;
- (iii) menjalankan kerjasama pelaksanaan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain; dan
- (iv) memperhebat promosi program di peringkat nasional.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan hanya sebilangan kecil sahaja pusat-pusat aktiviti belia ini baru ditubuhkan, apakah kementerian sudah berpuas hati tentang kemajuannya dari segi aktiviti yang melibatkan Rakan Muda ini khususnya di luar-luar bandar? Apakah rancangan kementerian seterusnya bagi memastikan supaya belia-belia khususnya di luar-luar bandar ini dapat melibatkan diri dalam semua program di dalam Rakan Muda?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan telah membina sejumlah 12 buah kompleks belia dan sukan sahaja di seluruh negara. Ini adalah kerana faktor sejarah. Tetapi sekarang ini nampaknya bahawa kerajaan telah memberi perhatian yang cukup atas aktiviti-aktiviti belia, jadi kerajaan ataupun Kementerian Belia dan Sukan telah merancang membina lebih kompleks ataupun pusat aktiviti belia demi kepentingan belia. Tetapi pada tahap ini, walaupun saya telah jawab bahawa Kementerian Belia dan Sukan akan membina sejumlah 52 buah pusat Rakan Muda di seluruh negara, tetapi nampaknya sekarang ini Kementerian Belia dan Sukan sedang mengkaji kemungkinan mencantumkan atau menggabungkan Kompleks Belia dan Sukan dengan Pusat Rakan Muda supaya kita tidak akan membina 2 bangunan; satu Kompleks Belia dan Sukan dan satu pusat Rakan Muda di dalam satu daerah. Jadi, ini akan melicinkan kerja supaya kita dapat membina lebih pusat aktiviti belia di seluruh negara. Inilah satu langkah yang telah diambil oleh

kementerian untuk memberikan kemudahan-kemudahan khasnya Pusat Rakan Muda ataupun pusat aktiviti belia untuk kelompok belia.

Untuk menjaminkan bahawa belia yang tinggal di luar bandar akan melibatkan diri dalam Program Rakan Muda ataupun aktiviti-aktiviti yang sihat, yang dirancangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, saya telah jawabkan tadi bahawa beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan termasuk publisiti melalui media massa dan juga menghidupkan semula pertubuhan-pertubuhan belia yang tidak aktif pada hari ini.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam Dewan ini beberapa kali pihak Kementerian Belia dan Sukan telah memberikan angka berkenaan dengan penyertaan belia dan beliawanis di dalam Program Rakan Muda. Tetapi angka ini secara mutlak iaitu secara absolute figures dan tidak secara perbandingan ataupun comparative figures yang mencerminkan kadar penembusan (penetration rate) dari segi berapa orang belia yang menyertai Program Rakan Muda dibandingkan dengan jumlah belia di seluruh negara atau pada satu-satu tempat. Adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai angka-angka mengikut penetration rate ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sejumlah hampir 1 juta belia telah mendaftarkan diri di bawah Program Rakan Muda ini, tetapi nampaknya kerana Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai cukup

kakitangan khasnya di peringkat daerah. Jadi, walaupun kita dapati ramai belia yang ingin melibatkan diri dalam Program Rakan Muda ini, tetapi kita tidak dapat menjalankan tugas ataupun memberikan aktiviti dengan berkesan kepada mereka. Oleh itu, sekarang ini Kementerian Belia dan Sukan masih ingin mendapat angka-angka yang lebih tepat supaya kita dapat menentukan berapa peratus belia di satu-satu daerah yang telah mendaftarkan diri dalam Program Rakan Muda ini. Saya harap Yang Berhormat boleh memberikan sedikit masa lagi kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya kita dapat mengumpulkan angka-angka yang diinginkan.

**WEE CHOO KEONG - KEPUTUSAN KETIDAKLAYAKAN
SEBAGAI AHLI PARLIMEN BUKIT BINTANG**

7. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rasional Hakim Pilihan Raya, Ahmad Fairuz memutuskan ketidaklayakan Wee Choo Keong sebagai Ahli Parlimen Bukit Bintang di bawah Perlembagaan Persekutuan 48(1)(e) tidak dibenarkan membuat rayuan dan nyatakan:

- (a) apakah mekanisma rayuan Akta Kesalahan Pilihanraya; dan
- (b) bezanya dengan kesalahan sivil yang memberikan hak rayuan secara automatik.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji
Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seseorang litigan dalam kes petisyen pilihan raya tiada hak untuk merayu terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Hakim yang dilantik untuk mendengar petisyen tersebut.

Menurut Seksyen 36 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, seseorang litigan yang tidak berpuashati dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim Pilihan Raya tidak diberi hak untuk merayu kerana Akta tersebut telah menetapkan bahawa keputusan itu adalah muktamad.

Selain daripada itu, menurut Seksyen 33(4) Akta tersebut, apa-apa keputusan yang dibuat secara interlokutori semasa perbicaraan juga adalah muktamad.

- (b) Seseorang litigan dalam pertikaian sivil tidak mempunyai hak secara automatik untuk merayu kecuali dalam keadaan tertentu jika terdapat peruntukan undang-undang yang memberikan hak kepada seseorang untuk berbuat demikian. Keadaan tersebut telah diperuntukkan dalam Seksyen 28, 68 dan 96 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Hakim membuat keputusan untuk melantik orang yang kalah menjadi wakil rakyat dan paling meragukan kita pihak Peguam Negara dan juga pihak Ketua Polis akan menyiasat 'kitab layang' yang teredar, yang mana dalam 'buku

layang' atau 'kitab layang' itu difahamkan bahawa Hakim berkenaan, salah seorang yang disebut nama adalah Hakim yang diragukan. Jadi, tolong beri penjelasan kepada Parlimen dan juga kepada rakyat iaitu ketidakpuasan tentang keputusan ini, kerana inilah pertama kali rekod dalam sejarah iaitu orang yang kalah diberi jawatan wakil rakyat, tidak diadakan pilihan raya kecil dan Hakim itu sendiri sekarang ini termasuk dalam siasatan Peguam Negara dan polis kerana tersebut dalam 'kitab layang' yang teredar sekarang.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini dua soalan, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh jawab satu sahaja.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jawab satu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. [*Ketawa*] Yang nombor dua itu saya rasa terkeluar, kita tidak patut membincangkan perkara surat layang di sini. Sebenarnya tidak patut kita bincang, jawab nombor satu sahaja.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi berkenaan dengan apakah seorang Hakim boleh melantik seseorang yang tidak menang dalam pilihan raya menjadi Ahli Parlimen. Sebenarnya kalau Yang Berhormat ada hadir waktu kerajaan membentangkan Akta Kehakiman pada tahun lepas, perkara ini telah pun dijawab oleh saya.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa apa juga keputusan yang telah diambil oleh Hakim yang telah dilantik untuk menghakimi kes ini, keputusan itu telah pun dibuat hasil daripada apa yang telah diizinkan mengikut akta tahun 1995. Ia tidak membuat sesuatu yang luar daripada kuasa yang telah diberikan kepadanya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dalam soalan asal dan soalan tambahan daripada Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang sama 'bin' dengan saya [*Ketawa*] dalam bentuk pertanyaan jelas sekali pembelaan terhadap bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang dari DAP, manakala Yang Berhormat dari Kubang Kerian adalah dari PAS. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah rasional agaknya yang digunakan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian?

Beberapa Ahli: Boo!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, rasionalnya sepertimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu iaitu salah tafsir berkenaan dengan perkataan 'opposition'. Jadi, dia 'oppose' sahajalah, walhal dalam kes seperti ini ada juga keputusan yang telah diambil oleh mahkamah yang tidak memihak kepada pihak Barisan Nasional, tetapi oleh kerana kita merupakan orang yang akur dengan keputusan yang dibuat, maka itulah sebabnya kita tidak pertikaikan,

tetapi rasional yang Yang Berhormat tanya kepada saya, pembangkang ini dia bangkang, siang-malam bangkang - itu sahaja.

LEVI BALAK - KESAN KENAIKAN

8. Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengenai kesan-kesan di atas kenaikan levi balak kepada negeri-negeri yang mengeluarkannya seperti Pahang, Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, hanya royalti dan ses pembangunan dan bukan levi dikenakan ke atas kayu balak. Kenaikan royalti dan ses pembangunan yang baru ini adalah untuk Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak melibatkan Sabah dan Sarawak.

Majlis Perhutanan Negara ke-12 pada bulan Februari tahun ini telah bersetuju untuk menaikkan kadar royalti dan ses pembangunan kerana harga pasaran kayu balak dan kos pemulihan hutan telah meningkat, tambahan pula pindaan kadar royalti dibuat secara berasingan antara tahun 1986 hingga 1992 dengan kadar yang berbeza-beza di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, manakala pindaan kadar ses pembangunan terakhir dilakukan pada awal tahun lapan puluhan.

Kementerian saya telah mengkaji secara mendalam kesan-kesan kenaikan royalti dan ses pembangunan kepada negeri-negeri yang mengeluarkan kayu balak dan percaya pihak industri berupaya membayar kadar baru ini kerana kenaikan ini adalah dikenakan ke atas potongan lebihan

pembalakan. Rumusan yang digunakan dalam kajian semula royalti kayu balak adalah berdasarkan konsep peratus nilai lebih bersih, setelah ditolak kos pembalakan, cukai korporat dan pembayaran premium dan harga tender kepada kerajaan negeri iaitu pada kadar 25% bagi kebanyakan spesis dan 50% untuk spesis bernilai tinggi seperti cengal, merbau, jelutung dan ramin.

Ses pembangunan pula dinaikkan dari RM2.80 semeter padu kepada RM10 semeter padu bersesuaian dengan kenaikan kos pemulihan hutan. Peningkatan kutipan ses pembangunan boleh digunakan untuk mempercepatkan pemulihan hutan supaya mencapai pengurusan hutan secara berkekalan.

TANAH PERTANIAN DICEROBOH - TINDAKAN UNDANG-UNDANG

9. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan penerokaan tanah-tanah pertanian dan kawasan-kawasan baru di pinggir-pinggir bandar oleh pendatang-pendatang asing untuk dijadikan tempat tinggal semakin berleluasa dan seperti tidak ada halangan dari pihak kerajaan tempatan:

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan tindakan undang-undang dan hukuman-hukuman yang lebih serius terhadap peneroka-peneroka asing ini; dan
- (b) sudahkah pihak kementerian membuat siasatan berhubung adanya sindiket-sindiket yang melibatkan penduduk-penduduk di dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar terdapat kegiatan pendatang-pendatang asing menceroboh tanah-tanah milik kerajaan dan tanah pertanian khususnya di pinggir bandar untuk dijadikan kawasan penempatan mereka.

- (a) Berhubung dengan perkara ini, tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut:
 - (i) menjalankan pemeriksaan terhadap dokumen-dokumen perjalanan yang dimiliki oleh pendatang-pendatang berkenaan, jika didapati

mereka telah memasuki negara ini secara tidak sah, mereka akan ditangkap dan seterusnya diusir;

(ii) meminta pihak berkuasa negeri dan kerajaan tempatan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan oleh Kanun Tanah Negeri dan Akta Kerajaan Tempatan termasuklah meroboh rumah-rumah mereka.

(b) Pihak berkuasa sedang menyiasat kemungkinan terdapat orang tempatan yang mendalangi kegiatan pendatang-pendatang asing tersebut.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Beberapa bulan dahulu beberapa orang ketua bahagian UMNO di negeri Sabah ditangkap dan ditahan di bawah ISA kerana mereka didapati membuat kad pengenalan palsu. Berhubung kait perkara ini, dan merujuk kepada soalan asal, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kewujudan perkampungan pendatang asing di negara ini, khususnya di kawasan Hulu Langat, Ampang Jaya dan Kuala Lumpur sudah lama, bukan satu perkara yang baru. Tetapi sungguhpun perkara ini lama diketahui oleh pihak kerajaan, tindakan tidak diambil sehingga satu peranan yang berkesan dimainkan oleh media massa dan menarik perhatian Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalannya.

Tuan Tan Kok Wai: Ya. Sebelum itu, saya minta maaf kerana perkara ini adalah satu perkara yang memerlukan banyak masa. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sungguhpun kewujudan perkampungan pendatang asing ini sudah lama, tetapi tindakan tidak diambil terhadap mereka kerana adanya pengaruh politik yang dapat mempengaruhi pihak-pihak berkuasa tempatan, khususnya pengaruh-pengaruh politik dari Barisan Nasional, terutamanya UMNO. Kalau tidak tanpa pengaruh, memang tindakan sudah lama diambil terhadap perkampungan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Soalan saya ialah adakah pihak polis akan mengambil tindakan untuk menyiasat ahli-ahli politik dari Barisan Nasional itu, dan kalau mereka didapati salah mereka akan ditahan di bawah ISA?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tak ada sangkut-paut langsung dengan soalan asal. Perkara yang kedua, fasal pendatang-pendatang yang telah pun membuat perumahan dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat sedar bahawa sayalah yang telah pun menyuarakan perkara ini secara lantang dalam akhbar sehingga tindakan diambil. Yang Berhormat yang telah berapa lama menjadi Wakil Rakyat dan Ahli Parlimen ini, pernahkah menyuara perkara ini secara terang. *[Tepuk]*

Sebagai ahli pembangkang, mencatatkan di mana tempatnya, siapa yang melakukannya, adakah orang UMNO atau orang DAP yang buat, tak pernah. Ini masalahnya. Jadi, saya fikir bahawa kita tidak bolehlah menyalahkan sesiapa dalam bab ini. Kalau sekiranya ahli pembangkang merasakan ini serius, buat satu teguran yang betul-betul serius, bukan sedikit-sedikit sahaja. Tahu di mana, siapa dia, kampung mana. Hendak minta pihak polis ambil tindakan, pihak polis bukan tahu tanah ini tanah kerajaan atau tidak. Pihak polis hanya a supporting agency, dengan izin, kepada agensi yang bertanggungjawab. Kalau majlis tempatan dan majlis daerah kata ini tanah kerajaan telah diceroboh, hendak dirobohkan mesti minta bantuan polis, baru polis boleh ambil tindakan. Polis tidak boleh pergi serbu di sana-sini tanpa mengetahui, tanah orangkah, tanah Yang Berhormatkah atau tanah siapa. *[Ketawa]* Ini masalahnya.

HAWK - PEMBELIAN

10. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Pertahanan menyatakan siapakah yang bertanggungjawab membuat keputusan dalam pembelian jet pejuang Hawk dari Great Britain. Apakah benar jet pejuang jenis ini tidak boleh digunakan dalam Angkatan Tentera Udara kita. Nyatakan sebab-sebabnya. Berapakah kerugian yang negara tanggung akibat pembelian jet jenis tersebut. Apakah kerajaan bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat pembekal jet tersebut kerana gagal memenuhi tanggungjawabnya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah bertanggungjawab di atas keputusan membuat pembelian jet pejuang Hawk dari Great Britain. Keputusan berkenaan telah dibuat berdasarkan kepada keperluan untuk melengkapkan TUDM dengan pesawat baru bagi menggantikan pesawat Skyhawk A-4 yang terlalu usang dan sukar untuk dikendalikan. Adalah tidak benar pesawat ini tidak boleh digunakan oleh TUDM. Pesawat ini sedang digunakan oleh TUDM untuk tugas-tugas operasi. Walau bagaimanapun,

ia hanya mengalami beberapa kerosakan teknikal dan masalah kelewatan untuk menerima alat ganti dari pembekal British Aerospace yang menyebabkan penggunaan jumlah pesawat yang dapat digunakan setiap hari.

Namun demikian, dengan peningkatan komitmen yang telah dijanjikan oleh syarikat pembekal, Kementerian Pertahanan percaya masalah ini akan dapat diatasi tidak lama lagi. Negara tidak mengalami kerugian ke atas pembelian berkenaan. Sebaliknya dengan pembelian ini, negara mempunyai pesawat pejuang yang canggih dan moden dilihat dari sudut kekuatan dan keupayaan Angkatan Tentera Udara demi pertahanan dan keamanan negara yang tidak dapat diukur dengan nilai wang ringgit. Kerajaan sedang mengkaji untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat pembekal jika terbukti mereka gagal untuk memenuhi tanggungjawab sepertimana diperuntukkan di dalam kontrak pembelian.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta pertanyaan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagaimanakah cara proses pembelian ini dibuat. Adakah pihak Kementerian Pertahanan mempunyai satu jawatankuasa penilai sebelum sesuatu pembelian itu dapat dilakukan. Kerana sejak akhir-akhir ini, kita tengok jet-jet pejuang yang digunakan untuk latihan oleh Tentera Udara jatuh satu demi satu, atas rumah orang, atas kereta Proton Saga pun ada, macam-macam. *[Ketawa]* Jadi, bagaimanakah kajian ini dibuat. Adakah satu jawatankuasa penilai yang pakar dalam soal ini supaya ianya dapat memenuhi spesifikasi dan keperluan Angkatan Tentera Udara Malaysia?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pertahanan memang mempunyai pakar-pakar yang khusus ditugaskan untuk kerja-kerja proses pembelian setiap alat-alat yang diperlukan oleh pihak ATM. Ini juga diserahkan kepada agensi Pusat, seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri untuk double check, dengan izin, segala apa yang dibuat oleh pihak Kementerian Pertahanan. Tetapi dalam apa cara sekali pun tentang bakal alat dibelikan di mana tempat pun mungkin terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan. Itu perkara biasalah.

Tentang perkembangan pesawat-pesawat ini juga perkara-perkara yang berlaku kepada kesemua angkatan tentera seluruh negara dalam dunia. Dan jumlah yang berlaku di negara kita pun

tidaklah lebih ataupun jauh berbeza dari apa yang berlaku di kalangan tentera udara lain-lain negara dalam dunia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kurangnya orang berani masuk jadi pilot. Kelmarin pun terjun satu, kelmarin dahulu terjunam juga satu. Jadi, kita pun naik 'seriau'. Cuma saya hendak bertanya Timbalan Menteri, sejauh manakah kenyataan menyatakan bahawa pihak syarikat Hawk ini akan mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat di Malaysia bagi membuat spare part kepada jet pejuang Hawk ini? Ini telah dinyatakan oleh pihak syarikat tersebut baru-baru ini. Jadi, adakah ini yang dikatakan semata-mata untuk hendak cover-up ataupun mereka memang serius untuk mengadakan usaha sama ini di Malaysia?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, tidak benar yang mengatakan bahawasanya sudah ramai orang takut untuk menjadi pilot, takut jatuh. Sebenarnya, lebih ramai peratusan yang meninggal di jalan raya dan lain-lain tempat jika dibandingkan dengan mereka yang menjadi pilot kapal terbang. Mengikut peratusannya jauh lebih selamat kita menaiki kapal terbang daripada kita menaiki kereta atau motosikal. Daripada pendapat kita, masih lagi terdapat cukup jumlah orang yang ingin terus menjadi pilot dalam keadaan yang wujud sekarang ini.

Soalan yang kedua, pihak pengurusan British Aerospace datang ke Malaysia pada bulan dua selepas kita dedahkan masalah alat ganti yang kurang baik dan kurang cepat dihantar kemari, dan pihak pengurusan British Aerospace itu berjanji untuk bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha Malaysia untuk kita pula membuat beberapa jenis komponen. Ini satu komitmen dan kita anggap sebagai serius. Insya-Allah setelah dikenalpastikan mereka yang boleh buat usaha sama dengan pihak British Aerospace itu, kita akan umumkan kepada pihak berkenaan.

GUNA TENAGA MAHIR DAN PROFESIONAL - PENINGKATAN KUALITI

11. Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah kementerian untuk menghadapi permintaan guna tenaga yang tinggi terutama pekerja mahir dan professional hasil dari pertumbuhan ekonomi yang sihat dalam tempoh jangka pendek; dan
- (b) apakah langkah kementerian di tempoh jangka sederhana dan panjang terutama bagi memenuhi keperluan bagi industri baru yang memerlukan kepakaran baru seperti industri angkasa lepas, penerbangan dan telekomunikasi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan perkembangan teknologi masa kini dan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kementerian Pendidikan akan menambahkan lagi bilangan politeknik dari 7 buah yang ada sekarang kepada 14 buah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kursus baru seperti reka bentuk industri akan diperkenalkan di samping memperluas dan mempelbagaikan kursus teknologi maklumat dan kejuruteraan. Peningkatan taraf sekolah menengah vokasional ke sekolah menengah teknik berperingkat-peringkat akan menambahkan lagi bilangan pelajar yang berpotensi untuk menjadi jurutera bertaraf profesional.
- (b) Bagi memenuhi keperluan industri baru Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan kurikulum berorientasikan teknologi seperti teknologi kejuruteraan, lukisan kejuruteraan dan perekacipta. Mata-mata pelajaran ini mendedahkan pelajar kepada teknologi baru disamping mewujudkan budaya rekacipta di kalangan pelajar.

Kemudahan internet juga diberi kepada sekolah berperingkat-peringkat bagi mewujudkan budaya teknologi bermaklumat di samping memperluaskan program literasi komputer dan jaringan. Ekspo dan pertandingan rekacipta di peringkat negeri dan kebangsaan diadakan setiap tahun bagi mencungkil bakat rekacipta.

Unsur-unsur sains angkasa dan telekomunikasi dimasukkan dalam kurikulum sains rendah dan menengah sejajar dengan pembudayaan masyarakat dalam sains dan teknologi bagi menempuhi globalisasi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada kementerian seperti mana yang dimaklumkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi dalam meningkatkan lagi jumlah dan kualiti guna tenaga yang kita perlukan di masa akan datang.

Soalan saya ialah banyak keluhan yang kita dengar, bila hendak menambahkan politeknik yang tinggi jumlahnya, hendak buka sekolah-sekolah baru, masalah yang dihadapi ialah kekurangan guru yang terlatih, kekurangan pensyarah yang terlatih di sekolah-sekolah dan di maktab-maktab ini. Adakah kementerian bercadang, selain daripada menambahkan pusat-pusat latihan guru dan pensyarah ini ialah menggunakan pihak swasta untuk menambah

kepakaran dan jumlah guru-guru dan pensyarah-pensyarah di sekolah-sekolah teknik ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mempunyai perkaitan ataupun hubungan yang erat dengan pihak swasta, di mana saluran dua hala kita wujudkan sebagai satu cara usaha-usaha kita untuk menokok-nambah kekurangan-kekurangan yang ada, terutama sekali dari segi guru dan juga pensyarah-pensyarah yang terlatih. Di samping itu, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh melalui penubuhan beberapa lagi maktab pengurusan, kursus-kursus yang bertujuan menampung keperluan itu akan ditokok-tambah, selain daripada kursus-kursus yang sedia ada ditawarkan di pelbagai peringkat universiti dan juga maktab.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan mengenai program sekolah internet. Adakah Kementerian Pendidikan satu direct target untuk menghubungkan semua sekolah-sekolah menengah dan rendah kepada internet. Sama ada target ini boleh dicapai pada tahun 2000 atau kita perlu tunggu tahun 2020.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita mula menyediakan ataupun menyalurkan kemudahan-kemudahan ini melalui program computerisation kita di sekolah-sekolah dan memang kita ada targetkan bagi semua sekolah-sekolah rendah dan menengah, di mana unsur

internet itu diterapkan secara beransur-ansur mengikut kemampuan dan keupayaan kita.

Sama ada kita akan dapat mencapai matlamat untuk hendak membekalkan kemudahan internet kepada semua sekolah menjelang tahun 2000 ini, itu saya fikir banyak bergantung kepada perkara-perkara yang ada hubung kait dengan kewangannya, kemahirannya dan setiap perkara yang berkaitan dalam usaha kita hendak memanjangkan kemudahan itu.

TRAGEDI HIGHLAND TOWERS - SIASATAN DAN TINDAKAN

12. Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang terlibat/bertanggungjawab mengakibatkan tragedi Highland Towers.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan difahamkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya bahawa laporan siasatan Jawatankuasa Siasatan Keruntuhan Pangsapuri Highland Towers telah dikemukakan untuk perhatian Jabatan Peguam Negara. Selain daripada itu pihak Polis Diraja Malaysia juga telah menjalankan siasatan. Adalah difahamkan mereka sedang berbincang hasil siasatan dengan pihak Peguam Negara.

Kedua, di samping itu Lembaga Arkitek Malaysia telah mengambil tindakan terhadap profesional yang didapati melakukan kesalahan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bilakah tarikh laporan tersebut dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan kenapa Jabatan Peguam Negara mengambil masa begitu panjang untuk membuat satu keputusan sama ada untuk dakwa atau apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kerana penderitaan mangsa-mangsa dan si keluarga-keluarga yang kita boleh baca dalam surat khabar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, Lembaga Arkitek Malaysia telah mengambil tindakan untuk membatalkan pendaftaran salah seorang yang bertindak sebagai orang yang mengemukakan pelan bagi pangsapuri Highland Towers kerana telah bertindak di luar bidang kelayakan beliau sebagai pelukis pelan berdaftar, dan Lembaga Jurutera Malaysia telah mengadakan siasatan mengenai salah seorang yang telah menandatangani pelan-pelan jalan dan saluran bagi projek tersebut. Bagaimanapun, Kementerian difahamkan bahawa tiada tindakan dapat diambil dengan cepat oleh kerana kekurangan maklumat.

Di samping itu Lembaga Jurutera Malaysia juga berpendapat bahawa keruntuhan yang berlaku adalah disebabkan oleh banyak faktor luaran seperti persekitaran dan pihak-pihak lain yang terbabit. Saya juga difahamkan bahawa pihak Peguam Negara dan pihak Polis terpaksa mengambil masa sedikit kerana kalau perkara ini diambil tindakan dan dibawa ke mahkamah, seandainya tidak ada maklumat yang konkrit, maka kita takut perkara ini tidak akan berhasil di mahkamah. Itulah sebabnya masa diperlukan sedikit untuk siasatan ini diteruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memperkatakan masalah keadilan sosial ataupun social justice. Atas prinsip social justice ini, adakah pihak kerajaan ingin ataupun berusaha mencari ikhtiar, mencari jalan

bagaimanakah pihak-pihak mangsa yang terbabit di mana harta bendanya telah musnah akan diberi pampasan yang sewajarnya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pihak Peguam Negara dan pihak polis masih lagi berunding hasil daripada siasatan yang telah dijalankan. Dan sudah tentulah di antara perundingan ini adalah bagaimana cara untuk memberi keadilan sosial kepada mereka yang menjadi tuan punya pangsapuri yang runtuh tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman.

[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman

[Sungai Benut] tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 14 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

BEKAS PENGHUNI TANAH KTM - PENEMPATAN SEMULA

15. **Dato' Joseph Chong Chek Ah [Batu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan perhatian terhadap masalah-masalah yang timbul termasuk penempatan semula bekas-bekas penghuni KTM di tanah milik KTM yang telah diswastakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, KTMB tidak mempunyai masalah besar dari segi pelaksanaan projek penswastaaan tanah KTMB, melainkan masalah berhubung dengan penghuni-penghuni di tapak projek Sentul Raya. Terdapat

66 penghuni bukan kakitangan KTMB yang menduduki tanah berkenaan. Daripada jumlah 66 penghuni ini, 33 keluarga adalah terdiri daripada bekas penyewa KTMB, manakala 33 adalah penceroboh.

Notis telah diberi pada Disember 1993, bagi membolehkan bekas penyewa mengosongkan rumah KTMB dalam tempoh sebulan.

KTMB telah berusaha membantu bekas penyewa dengan mendaftar kepada unit perumahan DBKL supaya keutamaan dapat diberikan kepada orang-orang yang terlibat bagi diperuntukkan rumah kos rendah,.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu berhubung dengan projek Sentul, berapakah kos projek ini serta kos balasan yang diberi balik kepada KTM yang memberikan tanah tersebut dan pembangunan apakah yang akan dibuat di Sentul itu?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kos projek keseluruhannya, dianggarkan sebanyak RM1.6 bilion dan jumlah balasan kepada KTMB bagi menyerahkan tanah kepada syarikat ini untuk dibangunkan sebagai satu projek boleh dikatakan salah satu projek yang terbesar di Bandaraya Kuala Lumpur adalah RM351 juta kepada KTMB dan jumlah balasan ini merangkumi wang tunai dan juga keuntungan dari projek penjualan rumah-rumah dan juga tanah-tanah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, bila projek Sentul Raya ini siap dibina iaitu selama tujuh tahun dan dalam tempoh tujuh tahun ini tempat ini akan mengadakan satu Sentul Raya Square yang mengandungi pusat pameran, muzium kereta api, pusat seni, kraftangan.

Yang kedua, Sentul Raya Business Plaza, dengan izin, yang mengandungi kompleks-kompleks perniagaan.

Yang ketiga, Sentul Raya Centre yang mengandungi rumah kedai, rumah pangsapuri.

Yang keempat, railway village yang juga menempatkan kawasan perumahan kakitangan KTMB termasuk satu railway station atau stesen kereta api di tempat itu.

Akhir sekali, Sentul Raya Park dan Golf Course yang mempunyai kondominium dan juga padang golf.

Dato' Joseph Chong Chek Ah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah setinggan di Sentul Raya di kawasan Batu ini memang serius. Sebab, sedang kerajaan menswastakan projek ini, kerajaan tidak ada arrangement dengan pampasan kepada penghuni rumah setinggan tersebut. Sebab, keluarga yang terlibat di Sentul ini lebih kurang semuanya sebanyak 1,000 lebih unit. Soalan saya ialah bolehkah kerajaan dapat mengkaji semula contractual obligation, dengan izin, dengan syarikat swasta iaitu Taiping Consolidated mesti masuk satu clause pampasan kepada semua keluarga yang

telah terlibat sebab saya ada berbincang kepada pemaju dan mengatakan pampasan ini sebab a matter of principal, dia tidak boleh bayar. Ini bukan tanggungjawab pemaju, ini adalah tanggungjawab Ahli kawasan Batu. Mana ini? *[Ketawa]*

Sebab apa, dia kata: “You boleh advance payment dahulu, you send bill beri kepada kita, kita bincang, kita boleh timbang.” Semalam saya sudah bayar sebanyak RM141,000, sebab 66 keluarga ini tidak dapat air, tidak dapat api, semua kena potong. Bekalan Air saya minta juga, dia tak beri, jadi, saya hendak memberi dia sedikit pampasan dahulu. Jadi, saya hendak bertanya

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat membuat ucapan itu, ya. *[Ketawa]* Sudah cukup dah.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Batu seorang korporat dan Ahli Parlimen yang kaya belaka, kemungkinan dia dapat membantu sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi, walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, KTMB memang peka dan faham tentang kedudukan yang dihadapi oleh 66 keluarga ini tetapi di antara 66 keluarga ini terdapat 33 adalah penceroboh yang mana kepentingan mereka adalah minimum.

Buat masa ini KTMB adalah sedang membuat aturan ataupun pakatan dengan DBKL supaya bekas penyewa KTMB dapat diberikan perlindungan dahulu dan selepas itu dalam masa enam bulan ini KTMB akan berusaha

dengan Taiping Cons, pemaju yang memajukan tapak ini supaya satu pakej dapat dihasilkan supaya semua penghuni-penghuni yang ada di tapak ini dapat dipindah ke tapak alternatif yang lain.

TAMBANG TEKSI DAN BAS SEKOLAH - KENAIKAN

16. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan kenaikan tambang teksi dan bas sekolah haruslah dipertimbangkan dengan kadar yang setimpal agar kedua-dua pihak tidak dibebankan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengambil kira beberapa faktor semasa menimbangkan permohonan tambang bas sekolah.

Di antara perkara-perkara yang diambil kira ialah satunya pulangan yang berpatutan kepada pengusaha bas sekolah. Kedua, kos operasi bas sekolah. Ketiga, kesan ke atas ibu bapa untuk membayar tambang bagi pengangkutan anak-anak mereka ke sekolah sama ada di bandar ataupun di luar bandar dan keempat, kesan ke atas kadar tidak akan menyebabkan inflasi.

Sehubungan dengan ini, kerajaan telah pun mengumumkan kadar tambang bas sekolah pada 27hb. Mac, 1996 dan berkuatkuasa pada 1hb. April yang lalu.

Berhubung dengan kadar tambang teksi pula, kementerian juga telah membuat kajian dengan tujuan untuk menyelaraskan kadar tambang teksi

berdasarkan masa dengan jarak jauh supaya kedua-dua seimbang. Keputusan kerajaan mengenai perkara ini akan diumumkan pada sedikit masa lagi.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa di beberapa kawasan khususnya di Kuala Lumpur banyak sungutan-sungutan pihak awam dan juga pelancong-pelancong di mana teksi-teksi ini tidak menggunakan meter mereka pada masa hujan dan 'peak hours' dan memberi caj berlebihan ataupun yang tidak ada kena mengena dengan meter. Jika sedar, apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada mendapat beberapa aduan daripada penumpang-penumpang teksi mengenai perkara ini dan mana-mana aduan yang dilaporkan, kita telah mengambil tindakan terhadap mereka.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah membangkitkan beberapa kali isu berkenaan tambang teksi. Jadi, saya sebagai Penasihat Persatuan Teksi di Kuala Lumpur. Pemandu teksi sebulan mereka hanya untung lebih kurang RM700 tanpa EPF. Jadi, mereka mengalami kesusahan, saya berharap kementerian boleh mengambil tindakan yang segera untuk mengkaji semula kadar tambang teksi kerana saya telah mencadangkan bahawa road-tax untuk teksi diesel daripada RM89 dikurangkan kepada RM10 setahun atau teksi petrol dikurangkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila kemukakan soalan.

Dr. Lee Chong Meng: Untuk menjustify kekurangan tambang teksi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membuat ucapan ya, tak ada apa yang hendak dijawab di situ. *[Ketawa]*

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

KENAIKAN KADAR BAYARAN PASPORT - PENERIMAAN ORANG RAMAI

17. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kesannya kepada penerimaan orang ramai akibat kenaikan kadar bayaran pasport terhad dan antarabangsa yang dikuatkuasakan mulai 1hb. Januari, 1996 yang lalu, dan adakah kementerian beliau sedar dengan kenaikan tersebut telah menimbulkan banyak rungutan di kalangan orang awam yang tidak menggunakan dokumen di atas sebagai sumber mata pencarian utama mereka, sebaliknya hanya akan menggunakannya di kala perlu sahaja, dan apakah cadangan kementeriannya untuk mengkaji semula kadar berkenaan.

19. **Puan Rohani binti Abdul Karim [Santubong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai kenaikan yuran pasport dan dokumen lain secara mendadak, sehingga melebihi 100%. Apakah asas kenaikan ini dan adakah kementerian mengenal pasti terlebih dahulu masalah yang dihadapi oleh rakyat akibat kenaikan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting] : Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan ke-19 hari ini juga kerana mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menaikkan kadar pasport dan lain-lain dokumen imigresen mulai Januari 1996 dan

kenaikan bayaran ini adalah wajar apabila mengambil kira kos pengeluarannya yang tinggi dan pada masa yang sama pertambahan ciri-ciri keselamatan pada dokumen berkenaan.

Kenaikan bayaran tersebut khususnya pasport tidaklah begitu membebankan rakyat mmandangkan sesuatu pasport boleh digunakan sehingga lima tahun. Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran tersebut.

Tuan Yunuf Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah kementerian telah membuat kajian kemungkinan bahawa bertambahnya harga ataupun bayaran pasport ini dan lain-lain dokumen perjalanan nanti akan mengakibatkan kegiatan pemalsuan dokumen pasport dan juga dokumen perjalanan kelak dan kalau ada membuat pertimbangan, apakah tindakan untuk mengatasi masalah seperti itu.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya disebalik apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, kerajaan menaikkan bayaran pasport ini kerana kita hendak masukkan ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi, bermakna tujuannya adalah untuk mengatasi pemalsuan. Maka, inilah hasil kajian kerajaan.

**INDUSTRI KECIL SEDERHANA -
KELEWATAN PEMBINAAN KILANG-KILANG**

18. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah kementerian sedar bahawa terdapat sikap melengah-lengahkan pembinaan kilang-kilang Industri Kecil Sederhana (IKS) walaupun tapak kawasan industri telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dan ini berlaku sikap melengah-lengahkan pembinaan oleh syarikat-syarikat tempatan dalam negara ini yang berlaku di Ajil, Hulu Terengganu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak melaksanakan secara langsung dan tidak mengawasi pembinaan kilang-kilang Industri Kecil Sederhana oleh pihak swasta di negeri-negeri.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa di beberapa tempat di mana Kerajaan Negeri menyediakan tapak untuk pembinaan kilang-kilang berlaku kelewatan untuk menyiapkannya. Ini termasuklah apa yang berlaku di Ajil, Hulu Terengganu. Seperti yang difahamkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu, kelewatan yang berlaku bukanlah dari sikap suka melengah-lengahkan, malah adalah berpunca dari masalah dalaman yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, cuma hendak ucap tahniah dapat Dato', Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pulak!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita ini memberitahu bagaimanakah kerajaan dapat memastikan kewujudan tapak-tapak industri yang di bawah negeri-negeri selaras dengan dasar kerajaan khususnya dasar kita dalam Rancangan Malaysia Ke-7 dan juga dasar IMP baru-baru ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih, saya ucapkan kepada Dato' Ahli Yang Berhormat dari Yan, yang baru empat bulan sahaja menjadi Dato'. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang peka, prihatin dan juga pragmatic mengenai keperluan dan tuntutan dan kehendak negara yang berkait dengan tempat dan masa. Kiranya kita melihat dasar-dasar yang dirangka di bawah IMP dan Rancangan Malaysia Ke-7, kita tahu bahawa dari segi kaca mata yang lebih besar, memang tumpuan diberikan kepada peningkatan kemahiran, penggunaan modal dan pembangunan teknologi.

Ini tidak bermakna bahawa kita membelakangkan atau tidak mengambil kira tuntutan-tuntutan mengikut keperluan negeri-negeri. Sebagai

contoh, Tuan Yang di-Pertua, walaupun tumpuan diberikan kepada teknologi tinggi di koridor Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kita juga memberikan kelonggaran kepada industri-industri yang berasaskan, mungkin tidak kepada berintensifkan modal tetapi kepada intensifkan buruh semata-mata untuk menggalakkan industri-industri ditempatkan di dalam koridor ini.

Keduanya, pakej-pakej khusus disediakan sebagai insentif untuk membawa industri-industri ini ke kawasan-kawasan yang disebutkan. Maka, Kerajaan Barisan Nasional begitu peka dan prihatin dan walaupun kita telah merangka dasar-dasar yang lebih besar, kita tidak membelakangkan keperluan negeri-negeri mengikut tempat dan masanya, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Soal Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 13, 14 dan 20 hingga 51 akan dijilid dalam buku berasingan].

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 1996****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1995)(NO.2)1996****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.4) 1995****DAN****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1996 dibacakan kali yang kedua” dan “Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.4) 1995 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[17hb. April 1996]*

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, sila sambung.

3.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai banjir Taman Sri Muda Seksyen 25 Shah Alam. Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar Selangor telah mengarahkan MPSA untuk mengambil tindakan yang segera bagi mengatasi masalah-masalah ini. Langkah-langkah yang dicadangkan akan diambil ialah:

- (i) pembinaan struktur kunci air bagi mengawal paras air di beberapa lokasi tertentu;
- (ii) pembinaan kolam tahanan air yang akan dibina di kawasan ini untuk menampung kuantiti air ke seluruh kawasan perumahan;
- (iii) menaikkan taraf sistem perparitan yang sedia ada agar dapat dilebarkan serta merekabentuk semula struktur parit besar bagi meningkatkan keupayaan menampung air di seluruh kawasan Seksyen 25;

- (iv) pembinaan batas atau bun di sepanjang Sungai Kelang yang bermula dari jambatan Kampung Bukit Kemuning ke Kampung Padang Jawa;
- (v) menaikkan aras jalan utama supaya jalan tersebut boleh digunakan semasa banjir; dan
- (vi) pembesaran dan pendalaman sungai Kelang sehingga ke muara sungai tersebut bagi mengelakkan limpahan air sungai ini.

Cadangan Yang Berhormat dari Kepong agar garis panduan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan mengenai pentingnya...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan ya.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai kenyataan Yang Berhormat bahawa Majlis Perbandaran Shah Alam dan pihak-pihak yang berkenaan ada diarah untuk mengambil tindakan yang segera, sungguhpun tindakan yang segera, apa yang penduduk-penduduk di Taman Sri Muda deritai ialah banjir yang sekarang tidak membenarkan mereka terus mendiami rumah-rumah apabila hujan datang. Sungguhpun arahan dikeluarkan bahawa tindakan segera diambil, sampai tarikh bilakah penduduk-penduduk Taman Sri Muda boleh tunggu di mana segala masalah banjir besar-besaran ini boleh selesai. 10 tahun? 15 tahun? Bila?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Tanjong kerana kepekaannya terhadap penduduk-penduduk di sini. Oleh kerana perkara ini di bawah tugas dan pentadbiran local government ataupun kerajaan tempatan di bawah Kerajaan Negeri Selangor, saya tidak dapat memberikan kesahihan tarikh berkenaan.

Cadangan Yang Berhormat Kepong agar garis panduan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan mengenai pentingnya pembinaan sistem perparitan dan kolam takungan keladak didahulukan oleh pemaju sebelum kerja-kerja pembinaan bangunan dimulakan amat digalakkan. Projek hendaklah mutunya ditingkatkan, penyediaan check list bagi kelulusan dan pemeriksaan pelan bangunan juga akan diperkuatkan dan penyediaan standard perancangan serta pelaksanaan yang lebih jelas dalam penyediaan sistem perparitan juga akan dikawal selia dengan rapi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong kerana memberikan pandangan-pandangan yang bernas.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat. Dia, terima kasihlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, memang saya terima. Cuma Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini mungkin bukan bidang Yang Berhormat, cuma kerana

ada jawapan, saya pun mengambil peluang ini untuk mendapat penjelasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu contoh. Adakah Yang Berhormat sedar apabila berlaku banjir yang teruk di Taman Seri Muda seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, masalahnya kerana paras 7 kaki itu lebih rendah daripada paras tanah di sekeliling, ini bermakna dalam tempoh lebih satu dekad ini, pelbagai projek pembangunan termasuk projek-projek pembangunan kerajaan telah diluluskan dan kemudian dalam satu dua dekad, masalah timbul dan ini bukan bidang Yang Berhormat. Cuma, pihak Kerajaan Persekutuan sudah pun memperuntukkan RM700 juta untuk tebatan banjir di Sungai Kelang. Di antaranya ada RM400 juta sudah pun digunakan oleh Wilayah Persekutuan. Dari segi ini, Wilayah Persekutuan lebih cermat, lebih cepat dan lebih berkesan untuk menggunakan wang ini sehingga banyak unit rumah panjang dibina di Jinjang Utara.

Kalau katalah di Kepong tidak beri sokongan, ini memang banyak sokongan. Rumah panjang di Jinjang Utara, berapa ribu unit untuk menempatkan semula setinggan-setinggan di tepi sungai itu. Dan di Selangor, masalah ini tidak dapat diselesaikan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan buat ucapan, Yang Berhormat. Minta penjelasan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Beri maklumat. Penjelasan, beri maklumat supaya Yang Berhormat dapat menjawab dengan baik! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana Yang Berhormat tak tahu, ada RM300 juta diperuntukkan untuk masalah ini. Tetapi kerana ada setinggan-setinggan di tepi sungai di bahagian negeri Selangor tidak dapat ditempatkan semula, maka projek tebatan banjir tidak dapat diselesaikan. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi tekanan kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang lebih cepat. Kalau tidak, satu dua dekad lagi di hadapan pun tidak dapat diselesaikan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia minta Yang Berhormat melakukan sesuatu, bukan dia meminta penjelasan. Sila teruskan, ya.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang meminta saya memberikan tekanan. Saya akan tekankan! *[Ketawa]*

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Marang dan Machang mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga, suka saya menyatakan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia telahpun menggulung perkara ini dalam perbahasan Titah Diraja pada 9hb. April 1996.

Memang benar akta ini tidak dilaksanakan dan terhenti seketika apabila kerajaan memutuskan supaya Akta Keganasan Rumah Tangga dikaji semula kerana terdapat pihak-pihak yang mendakwa akta ini bercanggah dengan hukum syarak.

Walau bagaimanapun, setelah beberapa kali perbincangan di antara kerajaan, khususnya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dengan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang berakhir pada 31hb. Mac 1996, telah membuat keputusan bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga adalah satu undang-undang jenayah yang mesti dibaca bersekali dan tertakluk kepada Kanun Kesiksaan.

Mengenai pelajar bumiputera di IPT swasta hanya 5% sahaja dan ini akan menimbulkan ketidakseimbangan di antara bumiputera dan bukan bumiputera di IPT swasta dan juga di IPT awam apabila diswastakan, saya ingin menyarankan di sini dan ingin memberitahu bahawa kenyataan di sini bahawa kerajaan tidak pernah berhasrat menswastakan universiti, sebaliknya mengkorporatkan IPT awam.

Di samping itu, penubuhan IPT swasta adalah tertakluk kepada kebenaran Lembaga Akreditasi Negara ataupun LAN di bawah Kementerian Pendidikan yang akan membuat penilaian agar kursus-kursus berkualiti. LAN juga memberikan akreditasi sijil, diploma dan ijazah keluaran IPT tempatan serta program-program kembar yang dikendalikan oleh kolej-kolej swasta.

Dengan cara ini, kualiti pendidikan akan dapat dikawal dan standard kualiti kursus pengajian dan program latihan akan lebih terjamin. LAN juga akan mencerminkan kemajuan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Bagi penuntut-penuntut bumiputera di IPT swasta yang tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran, kerajaan sedang mengkaji penubuhan tabung pendidikan untuk membantu pelajar-pelajar miskin, tidak kira sama ada di IPT awam mahupun di IPT swasta.

Yang Berhormat dari Machang telah mempamerkan statistik-statistik yang agak memeranjatkan, umpamanya “adakah bapa anda menunaikan solat lima waktu?” Yang mengatakan “ya”, cuma 38% dan “tidak” sebanyak 62%. Soalan terakhir, “Adakah ibu anda menunaikan solat lima waktu?” Yang menjawab “ya”, 47% dan menjawab “tidak”, 53%.

Sungguhpun kajian ini secara saintifiknya tidak dapat dipertahankan kerana sample yang begitu terhad dan tidak boleh dibuat perakuan secara menyeluruh, tetapi saya sebagai seorang fenomenologis menganggap perkara ini satu fenomena yang wujud dan tidak dapat diketepikan begitu sahaja.

Oleh kerana itu, Kementerian Pendidikan telah pun menyemak semula kurikulum pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada perkara-perkara praktikal. Pada masa ini, pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan UPSR dan PMR diwajibkan untuk menduduki Penilaian Asas Fardu Ain

ataupun PAFA. Ini sebagai usaha memberi pengetahuan, kefahaman dan secara amalnya yang lebih berkesan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kurikulum Pendidikan Agama Islam di sekolah-sekolah.

Oleh kerana agama ini di bawah kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan telah membantu Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan lagi kelas fardu ain dan Al-Quran daripada RM118 juta pada tahun 1995 kepada RM120 juta pada tahun 1996. Pemberian per kapita sekolah agama rakyat pada tahun 1996 sebanyak RM45.45 juta. Guru-guru yang dipinjamkan kepada sekolah agama negeri seramai 607 orang yang lebih kurang memakan belanja sebanyak RM10 juta. Bantuan buku teks kepada semua sekolah, termasuk sekolah agama negeri sebanyak RM94 juta dan Bantuan Pelajaran Bersepadu (BAES) sebanyak RM3.1 juta. Kita berharap, dengan adanya kesungguhan Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri, maka data-data yang dipamerkan itu dapat dikurangkan.

Yang Berhormat dari Machang juga membangkitkan mengenai pembaziran yang berlaku di kalangan Jabatan Kerajaan masih lagi berleluasa. Yang Berhormat memetik daripada akhbar *The Sun* bertarikh 20hb. Disember 1995, "*Waste of time, money*".

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, surat khabar *The Star* bertarikh yang sama juga memaparkan tajuk, "*The wasteful practices, rampant - says Sarji*" dan *Utusan Malaysia* pada 20hb. Disember 1995, "*Jabatan Kerajaan masih amal pembaziran*". Apa yang saya fahamkan bahawa laporan

akhbar-akhbar tersebut telah dipetik daripada agensi berita rasmi Malaysia BERNAMA. Saya telah diberitahu oleh Unit Permodenan Tadbiran Awam Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, bahawa laporan pembaziran itu adalah tidak tepat dan perkara-perkara pembaziran yang ditimbulkan tidak disebut sama sekali dalam ucapan KSN di majlis penyampaian anugerah KNK pada 19hb. Disember 1995. Pihak BERNAMA pada 10hb. Januari 1996 telah meminta maaf dan langkah telah diambil untuk membetulkan laporan itu.

Untuk perhatian Yang Berhormat dari Machang, saya ingin memetik laporan daripada *The World Competitiveness Report 1995* yang melaporkan bahawa dari segi government, Kerajaan Malaysia menyandang tempat yang keempat berbanding dengan negara-negara yang lain di seluruh dunia. Angkubah di bawah tajuk “*Government*” termasuklah hutang negara, rizab negara, perbelanjaan kerajaan, kecekapan dan ketelusan kerajaan, fiscal policy dan kestabilan sosial politik.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa World Competitive Report yang beliau sebut tadi juga ada digunakan sebagai satu asas oleh Transparency International untuk mengira, untuk membuat satu International Corruption Index di mana Malaysia diletakkan di nombor 23 dalam senarai 43 negara dan kalau pujian World Competitive Report mengenai pertumbuhan ekonomi boleh digunakan atau diterima oleh kerajaan, bukankah asas dan laporan indeks Transparency International bahawa korupsi di Malaysia satu masalah bermaharajalela juga patut diterima oleh kerajaan?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan perkara ini dalam usulnya dan telah pun ditolak oleh Dewan. Saya cuma memberitahu Yang Berhormat bahawa The World Competitive Report 1995 telah saya dapati pagi tadi dan saya telah menyemaknya dan saya dapati bahawa The World Competitive Report telah memaparkan Kerajaan Malaysia hanya sekadar tingkat yang keempat. Tetapi untuk membandingkan The World Competitive Report 1995 dan Transparency International yang Yang Berhormat Tanjong katakan tadi, ini perlukan penyelidikan yang lebih lanjut tentang kesahihannya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya bukan sebut mengenai indeks international corruption oleh Transparency International tetapi laporan World Competitive Report mengenai rasuah di beberapa negara yang menjadi tajuk laporannya. Dalam World Competitive Report ada sebut mengenai korupsi dan laporan World Competitive Report mengenai rasuah menjadi satu asas oleh Transparency International selain daripada laporan-laporan yang lain untuk membuat indeks itu. Ini bererti bahawa laporan mengenai rasuah di Malaysia pun terkandung dalam World Competitive Report. Adakah Kerajaan Malaysia menerima laporan World Competitive Report mengenai rasuah di Malaysia sebagai masalah serius?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ada laporannya di sini. Apa yang diperkatakan dalam World Competitive Report

adalah domestic economic strength, internationalization, government, finance, infrastructure, management, science and technology and people tetapi tidak ada angkubah-angkubah yang mengatakan korupsi di sini. Itu tergulung kalau kita tengok dari segi government, ia termasuk dalam seperti yang saya sebutkan di sini ialah government efficiency and transparency, ini angkubah yang termasuk dalam government. Tetapi, tidak ada angkubah yang mengatakan dari segi korupsi di sini. Saya boleh beri kepada Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat laporan penuh atau extract executive summary sahaja?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ini cuma untuk Malaysia sahaja. Laporan ini untuk Malaysia dan saya akan beri...

Tuan Lim Kit Siang: Executive summary...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh bercakap macam itu ya. Hendak beri jalan kepada dia atau tidak? Itu sahaja.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat dari Machang juga ada menyatakan kebimbangan beliau tentang ketidakselarasan pentadbiran Jabatan Agama Islam dan juga keseragaman undang-undang Islam yang ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah di seluruh negara.

Saya sebagai salah seorang bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, telah mengambil bahagian secara aktif dalam Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil yang diketuai oleh Yang Arif Profesor

Ahmad Ibrahim untuk meneliti dan menggubal undang-undang Islam negara ini agar undang-undang negara sedikit demi sedikit akan diserasikan supaya tidak bercanggah dengan hukum syarak. Kita berharap jawatankuasa ini akan dapat menyelaraskan semua undang-undang syariah di seluruh negara kerana tanggungjawab dan beban kerja ini amatlah berat.

Mengenai cadangan agar mufti menjadi *ex-officio* dalam Majlis Kerajaan Negeri, itu terpulanglah kepada kerajaan negeri yang hendak menjadikan jawatan mufti sebagai *ex-officio* dalam majlis tersebut.

Mengenai permasalahan daripada Yang Berhormat dari Tuaran yang menyatakan bahawa pembinaan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar sangat berkurangan, sepertimana yang telah diperkatakan oleh Timbalan Menteri Kementerian Pendidikan bahawa polisi kerajaan adalah untuk menyatukan sekolah-sekolah yang kurang ekonomik ini kepada sekolah-sekolah berkelompok dan kita berharap dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan.

Mengenai siasatan yang telah dijalankan oleh polis, kes penyeludupan senjata api keluar negeri dari Sabah....

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Berikutan dengan penangkapan Datuk Alfred Chin kerana disyaki menyeludup senjata api, pihak polis telah menjalankan siasatan ke atas premis perniagaan senjata api di seluruh Negeri Sabah bagi memastikan pemilik premis tersebut mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini. Sehingga kini proses siasatan masih lagi berjalan dan tindakan undang-undang akan diambil ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam hal ini.

Mengenai mengapa perlu pemilik senjata api di Sabah menyerahkan semula senjata api, adalah perlu semua pemilik senjata api di Sabah menyerahkan semula senjata api yang dimiliki kepada polis bagi memastikan secara keseluruhannya kesahihan permit-permit dan jumlah senjata api yang dipegang. Penyerahan ini bersifat sementara dan senjata tersebut akan diserahkan balik kepada pemilik yang sah setelah segala maklumat yang diperlukan diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan penghargaan...

Dr. Maximus Johnity Ongkili: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya minta jalan sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalankah atau tidak?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tidak ada. Penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Parit Sulong, Marang, Machang dan Tuaran atas pandangan, cadangan dan saranan yang dibangkitkan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini kelmarin. Jika sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, saya percaya ianya akan diambil perhatian oleh kementerian atau jabatan yang berkenaan untuk kajian dan tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di

dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-
buah Majlis hendak disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-
buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia enam ratus lima juta, lapan ratus dua puluh ribu, tujuh ratus empat belas (RM605,820,714) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (i) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus enam belas juta, lapan ratus tiga puluh ribu, enam ratus lapan puluh empat (RM416,830,684) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan
- (ii) bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu ratus lapan puluh lapan juta, sembilan

ratus sembilan puluh ribu tiga puluh (RM188,990,030) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM14,893,839,294 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1995 bagi Maksud-maksud Bekalan B.5, B.10, B.13, B.15, B.16, B.22, B.23 hingga B.26, B.28 hingga B.31, B.34, B.35 hingga B.37, B.39, B.40, B.53 dan B.54 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM416,830,684 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bilangan 4, Tahun 1995 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.16, P.18, P.20, P.24, P.26, P.28, P.31, P.35, P.36, P.42, P.44, P.45, P.47, P.51, P.53 dan P.54 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1996 dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM188,990,030 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bil. 1, Tahun 1996 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.25, P.46 dan P.49 untuk kementerian-kementerian yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6, Tahun 1996 jadi Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1995 dan juga Anggaran Pembangunan Tahun 1995 dan Tahun 1996 kelmarin.

Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 1996 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1995 dan Kertas Perintah 5A Tahun 1996 dan 6A Tahun 1996 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 dan Tambahan Pertama, 1996. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.5, B.10 dan B.13 [Jadual] -
Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1995] -**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B.5, B.10 dan 13 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Tanjong.
4.02 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.10 - Jabatan Peguam Negara.

Tuan Pengerusi, semalam kita dengar Yang Berhormat dari Parit Sulong sebagai Pengerusi Backbenchers Club, membangkitkan hal di mana

Peguam Negara ada menulis surat kepada Ahli Parlimen dari Hulu Langat, di mana Peguam Negara ada menuduh bahawa Yang Berhormat dari Hulu Langat ada mencemuh beliau. Dalam surat Peguam Negara yang berbunyi:

“Saya ingin menegaskan bahawa kata-kata cemuhan yang dilemparkan terhadap saya kebelakangan ini amat dikesali....”

Peguam Negara ada menuduh Yang Berhormat dari Hulu Langat bahawa beliau telah menggunakan keistimewaan Parlimen dan perlindungan dengan keistimewaan Parlimen untuk mencaci-cerca.

Yang Berhormat dari Hulu Langat adalah Ahli Parlimen Barisan Nasional. Sungguhpun beliau dari Barisan Nasional, tetapi dalam perkara ini kita rasa, kita perlu membuat satu pendirian yang sepakat atas hak dan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen tidak kira apa-apa parti.

Prinsipnya Peguam Negara adalah seorang kakitangan kerajaan, jadi apa-apa perkara yang ada disebut atau dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, tugas untuk menjawab ialah menteri berkenaan, sama ada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Menteri dan bukan beliau secara sendiri. Apabila beliau secara sendiri menjawab dan menulis surat kepada Ahli-ahli Parlimen, ini adalah melanggar peraturan, konvensyen dan juga General Orders. Saya harap supaya satu siasatan perlu diambil mengenai tindakan ini.

Sebenarnya masalah yang timbul ialah bahawa jawatan Peguam Negara sudah menjadi satu jawatan yang sangat politicize di mana kuasa yang

dijalankan oleh Peguam Negara yang sedia ada iaitu Dato' Mohtar bin Abdullah.

Kita boleh lihat beberapa keputusan yang dibuat ialah politicize sama ada mengenai kes Rahim Tamby Chik bekas Ketua Menteri Melaka, dahulu bekas seorang 'suspended' dan sekarang menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO - Tan Sri Rahim Tamby Chik, di mana beliau ditangkap dan didakwa di mahkamah, tetapi kemudian ditarik balik, acquitted pun atas tuduhan-tuduhan rasuah tanpa apa-apa sebab diberi. Kenapa beliau ditangkap pada satu masa dahulu dan kemudian dibebaskan, kalau bukti tidak cukup kenapa beliau ditangkap kali yang pertama? Adakah ini menunjukkan bahawa Peguam Negara 'cuai' dan kalau pada masa itu ada bukti yang cukup, kenapa kemudian dibebaskan, lagi kelalaian, kecuai dan tidak bertanggungjawab. Ini adalah satu keputusan dan tindakan yang sangat politicize. Jadi, tentunya kita ada hak sama ada pihak pembangkang atau pihak pemerintah untuk membangkitkan hal ini dan tempat untuk membangkitkan, untuk menyoal keputusan, budibicara Peguam Negara ialah di Dewan yang mulia ini, tidak ada tempat yang lain.

Adalah sangat tidak wajar di mana Peguam Negara menulis surat kepada Ahli-ahli Parlimen oleh kerana teguran-teguran, kritikan-kritikan yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Bukan sahaja dalam kes Rahim Tamby Chik, kes Yang Berhormat dari Kota Melaka di mana beliau ditangkap dan didakwa atas tuduhan-tuduhan bahawa beliau ada melakukan kesalahan di

bawah Printing Presses and Publication Act, Akta Hasutan - ini pun politicize, dipoliticized oleh Peguam Negara.

Mengenai kes Jeffrey Kitingan di mana beliau telah ditangkap dan didakwa di mahkamah atas korupsi, kemudian ditarik balik (withdrawn), ini juga politicize. Begitu juga Irene Fernandez, kes ini juga boleh dilihat sebagai politicize, keputusannya politicize oleh kerana akhirnya keputusan ini perlu dibuat oleh Peguam Negara untuk memberi kebenaran pendakwaan (prosecution) Irene Fernandez, disebabkan memorandum beliau mengenai layanan yang buruk terhadap pekerja-pekerja asing dalam Pusat Tahanan Imigresen - ini pun politicize dan inilah tempatnya di mana kita menyoalkan keputusannya.

Sebenarnya masa sudah sampai di mana kita memulihkan kedudukan di mana jawatan Peguam Negara ialah satu political appointment seperti di masa kemerdekaan di mana jawatan Peguam Negara ialah satu ministerial appointment, supaya beliau boleh datang ke dalam Dewan ini untuk menjalankan tanggungjawab akauntabiliti kepada Dewan ini. Di sini barulah kita boleh menyoalkan kenapa beliau membuat keputusan untuk membebaskan Rahim Tamby Chik. Kenapa beliau membuat keputusan untuk mendakwa Yang Berhormat dari Kota Melaka, kenapa beliau membuat keputusan atau memberi kebenaran untuk mendakwa Irene Fernandez? Beliau patut datang ke sini untuk menjawab! Pada masa sekarang oleh kerana beliau civil servant,

civil appointment tidak ada tanggungjawab akauntabiliti langsung , kita ada satu keadaan yang sangat tidak puas hati di mana kita mahu menunggu Menteri di Jabatan Perdana Menteri atau Timbalan Menteri untuk menjawab - selalunya mereka tidak jawab. Jadi, itulah sebabnya kegagalan menteri-menteri atau timbalan-timbalan menteri untuk memberi jawapan bagi pihak Peguam Negara yang menyebabkan Peguam Negara menulis surat kepada Ahli-ahli Parlimen. Ini adalah disebabkan menteri-menteri yang berkenaan yang patut memberi jawapan bagi pihak Peguam Negara tidak berbuat begitu.

Di sini kita boleh lihat bukan sahaja Peguam Negara salah di mana melanggar konvensyen-konvensyen, tradisi-tradisi Parlimen untuk terus menulis surat kepada Ahli-ahli Parlimen, tetapi di mana pihak kerajaan atau pihak menteri-menteri yang berkenaan sudah gagal untuk memberi jawapan bagi pihak Peguam Negara, kedua-dua salah - kedua-duanya sudah gagal untuk menunaikan tanggungjawab mereka. Ini kita boleh lihat apabila kita mengkaji balik jawapan yang telah kita dapati dalam masa penggulungan perbahasan Titah Ucapan DiRaja khasnya mengenai surat layang yang setebal 33 muka, di mana mengikut Yang Berhormat dari Parit Sulong Peguan Negara membesar-besarkan isu itu. Isu itu satu isu nasional dan tidak patut dikecil-kecilkan. Yang Berhormat dari Parit Sulong mahu memperkecil-kecilkan isu ini. Bagaimana boleh? Ini adalah satu isu mengenai krisis kepercayaan, krisis

keyakinan mengenai kehakiman dan keyakinan kehakiman ialah satu 'cornerstone democracy' bagaimana boleh memperkecil-kecilkan perkara ini?

Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa perkara ini patut diperkecil-kecilkan. Tetapi saya setuju bahawa Peguam Negara tidak patut mengambil tindakan sendiri dan mengabaikan serta tidak melalui menteri-menteri yang berkenaan memberi jawapan dalam Dewan yang mulia ini.

Tadi, saya ada sebut, apabila kita tunggu masa, iaitu perbahasan di hari kedua penggulungan perbahasan Titah Ucapan DiRaja saya menunggu jawapan dari pihak kerajaan mengenai krisis kehakiman. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada di sini, mungkin dia sangat sibuk, mungkin dia tahulah perkara itu lebih baik dia tidak jawab, nanti masa depan politiknya pun akan terjejas. Siapa yang jawab? Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah seorang baik, saya tahu dia adalah seorang Sarjana Islam (Islamic Scholar), tetapi isu ini bukan mengenai Islam, isu ini adalah mengenai keyakinan orang ramai terhadap kebebasan integriti kehakiman.

Apabila Yang Berhormat Menteri ditanya sama ada beliau ada membaca surat layang itu, dia kata haram, haram tak boleh baca, tak boleh sentuh pun. Kalau beliau tak baca, apa hak beliau datang ke Dewan ini untuk jawab mengenai surat layang itu. Apakah hak, main-mainkan sahaja. Ini menunjuk bukan sahaja Peguam Negara tak puashati dengan prestasi menteri-menteri, tak

puashati dengan prestasi Timbalan Menteri jawapan mereka mengenai bidang kuasa kehakiman dan undang-undang, Peguam Negara, kita di sini pun tak puashati.

Sebenarnya jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri masa itu, dengan izin, 'the biggest disappointment' dalam perbahasan Royal Address. Tak ada makna itu jawapan. Tidak serius langsung. Sepatutnya masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut ada dalam Dewan ini untuk jawab. Tetapi dia luar Dewan, dia cakap kepada pemberita, tetapi dalam Dewan dia takut untuk hadapi Ahli-ahli Parlimen mengenai isu kebebasan kehakiman, isu yang pokok.

Saya harap bahawa dalam perkara ini mungkin masa sudah sampai di mana oleh kerana keputusan tindakan yang dibuat oleh Peguam Negara begitu politicize, kita buat peruntukan di mana beliau datang ke Dewan yang mulia ini sebagai anggota dan menghadapi Ahli-ahli Parlimen dan jawab kepada Parlimen dan jawab kepada negara semua keputusan yang dibuat oleh beliau. Buat dan lantikkanya sebagai salah seorang anggota Kabinet, ministerial rank, tetapi datang ke Dewan ini, tertentu Barisan Nasional boleh memperuntukkan satu kerusi, di mana satu pilihanraya kecil boleh diadakan "sangat selamat", di mana beliau boleh datang dan menghadiri Dewan ini sebagai salah seorang Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Tanjong, diingatkan bahawa sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Peguam Negara mengenai RM1 juta dikehendaki untuk membiayai pembayaran emolumen dan imbuhan kakitangan awam. Ini semua bersangkutan-paut dengan imbuhan, emolumen seorang Peguam Negara. Kalau dia tidak boleh hadir, apa guna kita bayar emolumen ini. Inilah very basis. Ini mengenai tingkah-laku, mengenai prestasi, mengenai pendirian Peguam Negara. Kita harap bahawa kita boleh dapat satu jawapan yang memuaskan dalam isu ini.

Saya mahu sebut mengenai satu peruntukan begitu besar, amat besar mengenai pencen, elaun, ganjaran RM350 juta. Maksud B.13 saya mahu sebut mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Maksud B.5 semua mengenai emolumen, bayaran pencen dan lain-lain faedah, dan semua bersangkutan-paut dengan kita mahu satu civil service yang ada mutu yang tinggi. Kalau kita mahu satu civil service mutu yang tinggi, kita mahu semua pegawai-pegawai kerajaan 'on top of the job,' dengan izin.

Di sini saya mahu sebut satu insiden, Tuan Yang di-Pertua. Apabila dua hari dahulu, cadangan saya untuk menangguhkan Dewan ini untuk membincang satu perkara tertentu demi kepentingan orang ramai ialah mengenai indeks korupsi antarabangsa Transparency International, di mana

Malaysia diletak tempat ke-23 di dalam senarai 41, permohonan itu ditolak. Saya tidak hairan. Tetapi apa yang sangat memeranjatkan ialah ditolak bukan sahaja atas bahawa perkara ini tidak segera, tetapi atas satu lagi sebab bahawa, tak tentu, tidak ada orang tahu siapa Transparency International, tidak ada orang tahu bagaimana, apa cara digunakan oleh Transparency International untuk buat indeks itu.

Saya tidak hairan kalau Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua tidak tahu mengenai Transparency International. Tetapi saya percaya sebelum Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua buat keputusan, beliau ada hubungi dengan Jabatan Perdana Menteri. Tentu ada hubungi dengan Jabatan Perdana Menteri dan tentulah kakitangan atau pegawai-pegawai yang bertanggungjawab berkata tak tahu siapa ini Transparency International.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya hendak nasihatkan Yang Berhormat, sebarang keputusan yang telah dibuat tempoh hari oleh Tuan Yang di-Pertua itu, saya rasa tak elok kita kembali dalam peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat. Balik kepada tajuk.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu membangkit hal....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:cakap dasar. Cakap dasar biasanya tidak dibenarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu ungkit mengenai keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Apa yang saya mahu bangkit ialah bahawa kita mahu semua kakitangan kerajaan kita itu tahu apa yang berlaku bukan sahaja dalam negara, tetapi juga dalam dunia. Kalau satu kerajaan Malaysia tak tahu Transparency International, dengan izin, 'something is very wrong'. Dan tak mungkin, oleh kerana tahun lalu, bulan Oktober, Malaysia tentu ada menghadiri satu persidangan antarabangsa. Persidangan itu ialah International Anti-Corruption Conference (IACC). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentu tahu. Inilah satu conference yang dijalankan dua tahun sekali. Sudah diadakan 7 conferency. Saya percaya, bukan semua IACC ada dihadiri oleh menteri-menteri atau Timbalan Perdana Menteri Malaysia, majoriti ada.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, yang ini bersabit dengan Maksud yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pencen, elaun, bersara, ganjaran.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: B yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: B.13, B.5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, supaya apabila kita bayar emolumen, kita bayar persaraan kepada mereka untuk merit, bukan semua bayaran itu tak guna.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa yang dibentangkan ini cuma B.5, B.10, B.13 dan P.7.

Tuan Lim Kit Siang: B.5. B.5 ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, supaya ingat mereka meninggikan kualiti, prestasi kakitangan kerajaan. Boleh saya teruskan. Dan....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak menghadkan masa Yang Berhormat berucap, tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat masa yang ada cuma dua hari.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cuba pendekkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak mahu ambil masa yang panjang, tetapi saya mahu spesifik. Bagaimana satu kerajaan boleh kata tak tahu apa Transparency International apabila Malaysia ada menghadiri International Anti-Corruption Conference di Beijing bulan Oktober tahun lalu. Dahulu bukan sahaja di Beijing, tetapi di tempat-tempat lain seperti dahulu di Australia, Netherland, USA, Hong Kong, Mexico. Dalam mesyuarat IACC ini, International Anti-Corruption Conference, IACC ada menjemput Transparency International sebagai coordinator, oleh kerana peranan Transparency International untuk melawan corruption. Kenapa kerajaan Malaysia boleh kata apa itu Transparency International, tak pernah dengar! Inilah hairan.

Saya harap bahawa di masa depan kita boleh dapat satu kerajaan di mana semua public servants up on their toes - on the mark. Jangan kata tak tahu apa Transparency International dan bagaimana asas untuk buat corruption indeks - itu ada disebut. Kalau Jabatan Perdana Menteri sebenarnya patutlah jadi satu model user Internet, information technology. Check dengan Internet boleh dapat apakah itu Transparency International, asas bagaimana international corruption index dibuat atas tujuh kajian, tiga kajian dijalankan oleh Institute for Management Development in Lausanne yang digunakan selalu bersangkutan-paut dengan World Competitive Reports, tiga kajian yang dibuat oleh Political and Economic Risk Consultancy Ltd., Hong Kong dan satu oleh Business International, New York.

Dan saya haraplah bahawa di masa depan pihak kerajaan apabila datang ke Dewan ini untuk meminta peruntukan tambahan yang begitu raksasa, memastikan bahawa prestasi kakitangan kerajaan pun tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sebelum Yang Berhormat Machang berucap, saya hendak mengingatkan Yang Berhormat dan yang hendak berucap nanti, setiap orang diberikan masa 10 minit.

4.22 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, barangkali saya tidak akan mengambil masa lebih daripada 10 minit.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan B.10 - kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada di sini, iaitu Jabatan Peguam Negara. Saya hendak merujuk kembali kepada jawapan Yang Berhormat semasa soal jawab yang telah pun dibuat tadi, iaitu berhubung dengan kedudukan kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah bersabit dengan election petition. Yang Berhormat telah memberitahu tadi bahawa berhubung dengan Akta Petisyen Pilihanraya yang ada sekarang keputusan Hakim Pilihanraya adalah muktamad dan tidak ada hak merayu yang diberikan kepada litigan yang tidak berpuas hati tentang keputusan yang dibuat itu. Itulah kedudukan undang-undang yang ada sekarang. Walau pun ada ruang-ruang lain seperti membawa kes melalui certiorari ke mahkamah, tetapi itu leave mesti didapat terlebih dahulu dan kebanyakan kes nampaknya tidak berjaya di bawah peruntukan sedemikian.

Apa yang saya hendak tarikan perhatian kerajaan dan Jabatan Peguam Negara berhubung dengan perkara ini ialah kedudukan undang-undang yang sedia ada ini nampaknya tidak seimbang. Dan kalau kita melihat kepada peruntukan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa "all persons are equal before the law", dengan izin, bahawa semua litigan

dalam mahkamah mestilah mendapat hak yang sama rata dari segi proses pentadbiran keadilan.

Tahun lepas Court of Judicature Act (Akta Mahkamah Kehakiman) telah dipinda dan kita sekarang telah mewujudkan three-tier system, dengan izin, iaitu 3 peringkat rayuan, di mana keputusan-keputusan kes di Mahkamah Sesyen, di bidang kuasa awal boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi dan kemudian daripada Mahkamah Tinggi automatik dalam kes-kes jenayah, boleh dirayu ke Mahkamah Rayuan. Begitulah juga dalam kes-kes sivil yang menepati kehendak-kehendak dan jumlah yang dipertikaikan boleh dirayu.

Jadi, dalam suasana sekarang, apabila kita mempunyai three-tier system dalam sistem kes-kes sivil dan jenayah adalah terlalu tidak cocok atau terlalu tidak sesuai bila kes dalam kes pilihanraya di mana litigan tidak dibenarkan untuk merayu terhadap keputusan seorang Hakim. Kita tahu bahawa dalam kes-kes di mana petisyen pilihanraya terlibat, dalam pilihanraya lepas, terlalu banyak petisyen pilihanraya yang dibawa ke mahkamah. Di Kelantan sahaja kalau saya tidak silap, ada lebih kurang 12 kes, Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dibawa ke mahkamah. Dan di Kuala Lumpur, di Petaling Jaya, di Pulau Pinang, banyak kes-kes yang dibawa.

Persoalan sekarang ialah sama ada dengan kedudukan sekarang, saya menghormati keputusan Hakim yang telah dibuat. Itu keputusan dia pada masa itu mengikut kepada fakta-fakta kes. Persoalannya sekarang adakah adil jika

kita hendak membiarkan kedudukan undang-undang sedemikian rupa, kerana keputusan sesuatu pilihanraya bukan dibuat oleh seorang manusia, keputusan pilihanraya dibuat oleh puluhan ribu pengundi. Dalam kes Bukit Bintang misalnya, dibuat oleh hampir ratusan ribu pengundi setelah mereka keluar mengundi. Tetapi dengan keputusan seorang hakim sahaja yang menang jadi kalah, yang kalah jadi menang.

Persoalannya yang perlu kita tanya, adakah kedudukan ini memuaskan hati kerajaan lebih-lebih lagi litigan yang terlibat dalam kes itu? Apabila keputusan demikian dibuat, pihak litigan tidak berpuas hati, tetapi malangnya vanue ataupun ruang untuk merayu tertutup rapat bagi litigan berkenaan. Persoalannya pada saya, peruntukan-peruntukan seperti ini, yang melibatkan kepentingan orang ramai, yang melibatkan kepentingan banyak pihak, dan sehubungan dengan Perkara 8 Perlembagaan, maka saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji semula peruntukan ini dan mengambil tindakan yang wajar untuk meminda undang-undang ini supaya keputusan hakim pilihanraya boleh dirayu ke mahkamah yang lebih tinggi sekurang-kurangnya di hadapan 3 orang Hakim Mahkamah Rayuan. Barulah keputusan yang dibuat oleh seorang hakim tadi diberi ruang kepada litigan yang tidak berpuas hati dan boleh diputuskan oleh satu kuorum yang lebih tinggi.

Dan ini sepertimana yang saya katakan tadi, adalah bersabit dengan kedudukan undang-undang lain pun sekarang. Kalau pihak kerajaan bersedia

untuk mewujudkan three-tier system atau 3 peringkat sistem keadilan di negara kita, tiada sebab mengapa di dalam kes-kes pilihanraya, keputusan seorang hakim itu menjadi muktamad. Pokok pangkal pada kes Bukit Bintang saya rasa ialah bukan persoalan keputusan hakim itu sahaja, ia adalah persoalan hak untuk merayu ke mahkamah yang lebih tinggi, walaupun ruang certiorari yang saya maksudkan tadi telah diguna sepenuhnya, tetapi ini sukar dalam keadaan-keadaan kes pilihanraya.

Yang menjadi tidak puas hati kepada orang ramai terutamanya calon-calon yang bertanding ialah keputusan orang ramai setelah menjalani proses yang begitu panjang, tiba-tiba diputuskan oleh seorang hakim dan keputusan tersebut tidak boleh dirayu - ini adalah suatu perkara yang cukup-cukup tidak kena pada pandangan saya. Orang mencuri, kesalahannya boleh dihukum di bawah Mahkamah Majistret, dijatuhkan hukuman penjara 6 bulan atau denda, dia tidak puas hati, dia boleh merayu ke Mahkamah Tinggi. Kemudian orang yang membawa tuntutan sivil ke mahkamah, RM25,000 di Mahkamah Majistret, kemudian tidak puas hati, boleh merayu ke Mahkamah Tinggi.

Ruang rayuan itu ada, tetapi mengapa dalam kes-kes pilihanraya keputusan itu menjadi muktamad sehingga ruangnya begitu rapat ditutup dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada sekarang. Jadi, saya minta kepada pihak kerajaan supaya mengkaji semula Akta Pilihanraya ini dan

memperuntukkan suatu peruntukan bahawa keputusan seorang hakim mestilah boleh dirayu ke mahkamah yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, kedua, saya hendak bercakap berhubung dengan perkara yang sama iaitu B.10. Dua, tiga hari ini menjadi kontroversi antara penyokong-penyokong kerajaan dengan Jabatan Peguam Negara nampaknya hebat. Tadi Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang telah membangkitkan perkara yang sama. Saya hendak memperjelaskan kedudukannya. Pada saya, sebagai seorang peguam, saya faham tugas dan peranan seorang Peguam Negara. Saya cukup mahir. Di bawah peruntukan Perlembagaan dan Kanun Acara Jenayah yang sedia ada sekarang, kedudukan Peguam Negara adalah jelas iaitu beliau ialah orang yang diberi kuasa untuk mendakwa, menarik balik atau mengarahkan siasatan terhadap semua pendakwaan-pendakwaan kes jenayah dalam negara ini.

Kita hormat peruntukan ini kerana ia diberi oleh undang-undang. Apa yang dipertikaikan ialah kenyataan yang dibuat oleh Peguam Negara kadang-kadang melampaui batas itu - itu yang dipertikaikan. Saya hendak menyebut sekali lagi sebagai contoh, dengan izin, ialah kes penyiasatan ke atas Rahim Tamby Chik, bekas Ketua Menteri Melaka. Apabila Peguam Negara membuat keputusan bahawa beliau hendak mendakwa Rahim, orang tidak marah kerana itu bidang kuasanya - bila dia membuat keputusan menarik balik, dia terangkan sebabnya. Sebagai peguam, saya faham. Tetapi yang saya tidak faham dan

saya pertikaikan pada masa itu ialah tindakan beliau mengeluarkan kenyataan susulan yang mendedahkan watak buruk budak kecil (anak sekolah) tersebut. Jadi, itu sudah di luar bidang kuasa Peguam Negara.

Peguam Negara boleh menarik balik, menuduh sesiapa - boleh, itu bidang kuasa dia di bawah Perlembagaan. Kita hormat keputusan yang dibuat tetapi tindakannya mendedahkan watak buruk perempuan berkenaan telah menimbulkan suatu kontroversi yang amat hebat. Orang ramai akan mempertikaikan mengapa pula watak buruk budak ini didedahkan di khalayak ramai, ada hubungan dan sebagainya, mengapa watak buruk Rahim tidak didedah? Jadi, konsep keadilan itu telah muncul.

Jadi, persoalannya, kenyataan-kenyataan tersebut yang pada saya sepatutnya tidak dibuat telah terkeluar sama ada secara sengaja atau tidak sengaja yang telah membangkitkan kontroversi, sedangkan dalam peruntukan undang-undang, watak buruk ini dalam mahkamah pun tidak boleh diterima, melainkan ada keterangan yang mengeluarkan bahawa ada watak baik yang dikemukakan, barulah watak buruk boleh disangkal, tetapi dalam kenyataannya mengemukakan perkara-perkara tersebut. Inilah yang menjadi kontroversi.

Sebab itulah dalam ucapan saya yang lepas, sama ada hendak tarik balik tuduhan, hendak tuduh, hendak arah siasat, itu kita hormat pendirian Peguam Negara. Hak dia di bawah undang-undang. Tetapi elakkanlah daripada kenyataan-kenyataan yang mewujudkan kontroversi di kalangan orang ramai.

Itu sekadar contoh yang disebut dalam kes yang telah dibangkitkan oleh saya dalam persidangan ini pada masa kes ini baru-baru muncul dahulu, saya telah membangkitkan perkara yang sama.

Tuan Pengerusi, tentulah di akhir-akhir ini pula kontroversi timbul. Apabilai Yang Berhormat dari Parit Sulong membangkitkan masalah Peguam Negara dalam Dewan ini, kemudian keluar pula dalam paper, kenyataan Peguam Negara mengatakan bahawa - “perkara ini tanyalah Tuan Ruhanie dari Parit Sulong fasal dia yang sepatutnya tahu apa yang saya cakap”.

Saya rasa kontroversi seperti ini tidak sepatutnya muncul dalam sebuah surat khabar yang melibatkan satu jawatan atau penjawat awam yang begitu tinggi - tak patut muncul. Ada saluran-saluran yang tertentu supaya hendak jaga Jabatan Peguam Negara itu, penjawat itu supaya dihormati oleh semua orang.

Tuan Pengerusi, saya ikhlas, matlamat saya ialah supaya kerusi Peguam Negara itu dihormati oleh semua orang sebab saya telah sebut banyak kali, bahawa Peguam Negara ialah penjawat awam yang paling tinggi kedudukannya dalam negara ini sehingga dia boleh prosecute Perdana Menteri sekali pun, Tuan Pengerusi, di bawah undang-undang, sesuai dengan jawatan itu, elakkanlah diri daripada membuat kenyataan-kenyataan yang melibatkan kontroversi.

Sekarang ini tentu saya percaya, ada saluran-saluran tertentu. Saluran-saluran tertentu yang boleh digunakan supaya jabatan tersebut akan dihormati oleh rakyat dan akan dihormati oleh semua orang. Elakkan diri daripada kontroversi yang tidak membawa makna dan yang membolehkan orang mempertikaikan kedudukan itu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa barangkali, saya pernah dengar, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pernah mengkritik dalam Dewan ini habis-habisan bekas Peguam Negara dahulu, tetapi tidak ada suatu kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan dalam surat khabar, yang menimbulkan satu kontroversi yang lebih itu.

Sepertimana kata Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, kita mesti bersedia untuk dikritik untuk mencari kebaikan supaya jawatan itu, bukan orangnya tetapi jawatan itu akan dihormati oleh semua orang.

Tuan Pengerusi, sebab itulah sekarang, bersabit dengan perkara yang sama, Jabatan Peguam Negara, soal sistem kehakiman di negara kita sekarang. Sekarang ini rakyat, saya tidak hendak menyentuh hakim, tetapi sistem kehakiman secara keseluruhannya, rakyat sudah mula mempertikaikan dengan timbulnya surat layang dan sebagainya, bahawa keadilan di negara kita ini nampaknya tidak dilaksanakan. Orang sudah mula mempertikaikan, orang sudah berani bercakap di kedai kopi bahawa hakim itu macam itu, hakim ini

macam ini. Tentulah gambaran seperti ini adalah merupakan gambaran yang akan merosakkan sistem kehakiman itu sendiri.

Kita telah bercakap banyak kali apa yang patut dibuat, apa yang tidak patut dibuat dan saya percaya para-para hakim pun lebih arif dan lebih bijaksana, apa yang patut dia buat, apa yang tak boleh dia buat, semua itu sudah ada, kod etika pun sudah ada.

Tuan Pengerusi, tidak perlu suatu garis panduan yang baru, kod etika pun sudah ada.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, yang menjadi kelam-kabut berkenaan kehakiman ini, yang mula-mula mengkritik keputusan hakim ialah Perdana Menteri sendiri. Sedar atau tidak semasa Program Semarak dahulu, Perdana Menteri kritik keputusan hakim yang dibuat terhadap R. Karpal Singh ketika dia dibebaskan dalam *habeas corpus* dan kritik hakim Peh Siew Chin secara terang, ini menyebabkan rakyat pun dan akhirnya kritikan kepada hakim pun bermulalah, ia dimulakan oleh Perdana Menteri sendiri bila dikritik hakim yang membebaskan R. Karpal Singh dalam kes *habeas corpus* dalam tahanan ISA Operasi Lalang. Adakah saudara dari Machang bersetuju dengan saya?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, memang saya sedar, malah saya pernah hadir dalam suatu perjumpaan, bagaimana insiden kebebasan kehakiman bermula dalam negara ini. Saya pernah hadir, semasa itu saya dalam UMNO lagi, Tuan Pengerusi, saya pernah hadir dalam suatu perjumpaan di Bangunan UMNO, Kota Bharu, Kelantan yang dihadiri oleh Perdana Menteri sendiri, bagaimana Perdana Menteri berucap mengecam para hakim pada masa itu.

Saya masih ingat lagi, itu bermulalah era bila mana suatu badan tidak menghormati satu badan yang lain. Jabatan Kehakiman tidak mempunyai fungsi

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya. Jabatan Kehakiman tidak mempunyai forum untuk mempertahankan diri, sudah tentulah para hakim dalam negara ini tidak boleh bangun dan mempertahankan diri dalam akhbar terhadap satu kenyataan terbuka yang dibuat oleh eksekutif, lalu dicari forum lain. Bila cari forum lain, maka muncullah insiden tahun 1987, lima orang hakim diambil tindakan disiplin. Kerana tentulah selaku orang yang dilantik oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong, tak elok bagi hakim tampil ke depan di hadapan surat khabar, kemudian mempertahankan dirinya. Maka dia pilih satu

forum lain dengan menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong, hasilnya, kita tahu krisis kehakiman yang amat besar dalam negara ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini pun bercakap dasar, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dasar? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau sekadar hendak beri contoh, saya benarkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, saya pun sudah hendak gulung, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, masa tidak mengizinkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Pengerusi, di atas teguran itu. Terima kasih, saya menghormati keputusan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bandau.

4.36 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat jawatankuasa bagi perkara yang di atas meja mesyuarat.

Tuan Pengerusi, saya ingin tumpukan perbahasan saya kepada Maksud B.5 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di bawah Butiran 020100 - Pengambilan. 020200 - Perkhidmatan. 020300 - Kenaikan Pangkat dan Tatatertib.

Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memanglah satu badan yang tertinggi dan mutlak dari segi pengambilan kakitangan-kakitangan kerajaan dan juga perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan perkhidmatan.

Maka dalam perkara ini hendaklah ia memberi tumpuan kepada beberapa masalah dalam perkhidmatan awam khususnya di peringkat negeri iaitu di peringkat negeri Sabah dan Sarawak. Saya ingin mengambil masa sedikit yang ada untuk membawa kepada Dewan yang mulia ini beberapa masalah yang nampak ketara dan harus diambil kira oleh pihak Suruhanjaya dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, mengenai soalan saya yang telah saya kemukakan dan dijawab secara bertulis pada setakat ini mulai pada 29hb. Februari, 1996, jumlah pegawai Kerajaan Persekutuan dari Semenanjung yang bertugas di Sabah ialah 5,735 orang, tidak termasuk anggota polis dan tentera dan pada masa yang sama juga 2,461 pegawai dari negeri Sabah yang bertugas di jabatan-jabatan persekutuan di Semenanjung.

Tuan Pengerusi, angka-angka ini sebenarnya mencerminkan beberapa perkara yang baik, terutamanya jumlah 2,461 yang ditukarkan ke Semenanjung

adalah satu angka yang besar dan saya rasa atas tujuan untuk mereka mendapatkan pengalaman dan exposure, dengan izin, di peringkat Persekutuan adalah baik.

Kedua, dari segi perkara iaitu meningkatkan integrasi nasional dan khususnya dalam perkhidmatan awam, kita mengalu-alukan perkara ini.

Tuan Pengerusi, walaupun demikian, jumlah yang begitu banyak 5,735 pegawai-pegawai kerajaan dari segi common services sahaja masih amat besar dibandingkan dengan apa yang berada di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, begitu juga pada masa yang sama, jumlah pegawai-pegawai kerajaan negeri Sabah yang bertugas dalam perkhidmatan awam Persekutuan yang diberi peluang untuk ditukarkan di sini, nampaknya satu jumlah yang besar. Tetapi, dalam perkara ini ada beberapa masalah yang timbul, yang harus diambil kira oleh pihak suruhanjaya dan juga oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, misalnya, apabila mereka ditukarkan di sini di atas dua matlamat yang sentiasa dikatakan oleh pihak kerajaan dan Jabatan Perdana Menteri iaitu satunya, ialah exposure juga dari segi kemahiran, keperluan kemahiran mereka dan satu lagi ialah dari segi memupuk integrasi nasional khasnya di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tetapi, dari segi mendapat exposure dan seterusnya dengan tujuan kembali semula ke negeri asal dengan tugas yang lebih besar ataupun dengan lebih senior, dengan izin, itu sebenarnya, jarang-jarang timbul, kebanyakannya

mereka kembali juga dengan tidak ada kenaikan pangkat ataupun jawatan yang lebih besar untuk disandang apabila kembali bertugas.

Jadi, dalam perkara ini saya rasa matlamat untuk memberi exposure kepada mereka di sini nampaknya banyak masalah yang lain yang mereka hadapi dan selepas menghadapi masalah itu apabila kembali ke tempat di peringkat negeri tidak ada perubahan yang baru kepada kedudukan jawatan selain hanya bertugas di sini dan menghadapi beberapa masalah.

Tuan Pengerusi, antara masalah-masalah yang lain ialah apabila mereka ini ditukar ke Semenanjung untuk bertugas dengan tujuan yang baik, tetapi seringkali tempat pegawai asal itu apabila diisi, biasanya diisi daripada peringkat pusat untuk mengisikan tempat itu dan ini seringkali lebih junior daripada pegawai-pegawai yang sedia ada dan sungutan di peringkat pegawai-pegawai dan di peringkat jabatan-jabatan tidak mendorong dari segi moral dan dari segi meningkatkan lagi perkhidmatan mereka. Kita mintalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmata Awam supaya mengambil perhatian perkara ini demi untuk meningkatkan moral dan juga untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai di peringkat negeri untuk dinaikkan pangkat.

Tuan Pengerusi, saya sentuhkan perkara ini bukan kerana sekadar hal wilayah. Saya harap itu tidak timbul kerana tujuan kita ialah untuk memupuk rakyat yang lebih bersatu padu tetapi dari segi Sabah dan Sarawak, kita sedia maklum, melalui perjanjian Malaysia dan juga committee report tertulis di sana bahawa dalam segi perkhidmatan awam anak-anak muda dan pegawai-pegawai

di peringkat negeri, anak watan negeri Sabah dan Sarawak hendaklah diberi priority dan kalau sekadar sudah 33 tahun kita dalam negara kita dan masih lagi ada sungutan dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya percaya adalah amat baik dan munasabah untuk perkara ini diambil kira.

Tuan Pengerusi, selain daripada seringkali apabila pegawai itu ditukar daripada peringkat pusat dan penggantinya adalah bukan dari kalangan jabatan yang sedia ada tetapi daripada pegawai di peringkat pusat yang seringkali junior daripada apa yang 'available' dari kalangan pegawai-pegawai tertentu, seringkali juga apabila ada kekosongan di peringkat pegawai-pegawai negeri kerana pencen, jadi daripada mengambil tindakan di mana pegawai-pegawai di peringkat negeri iaitu di Sarawak ini dinaikkan pangkat, walaupun sesuai dari segi merit, sesuai dengan tatacara yang ada tetapi seringkali begitu juga - diisi daripada peringkat pusat.

Jadi, peluang untuk pegawai-pegawai kita terus maju naik sesuai dengan kebolehan, sesuai dengan perkhidmatan mereka tertutup. Jadi, saya berpendapat sampailah masanya bagi kita mengambil perkara ini dengan serius supaya bukan sahaja memupuk kerjasama dan pengertian dan persefahaman di kalangan pegawai-pegawai tetapi juga untuk memberi peluang kepada anak watan di peringkat negeri sesuai dengan jaminan-jaminan yang telah diberi pada masa kita menubuhkan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, apabila kekosongan itu ada kerana pegawai itu pencen, kita bercadang supaya iklan dibuat supaya pengambilan sesuai dengan jumlah yang begitu banyak untuk pengambilan bagi 230 juta yang diberi, jadi harus pengambilannya di peringkat negeri untuk memberi peluang-peluang pegawai-pegawai muda ataupun lepasan daripada universiti-universiti tempatan dan luar negeri untuk mengambil bahagian di dalam perkhidmatan awam persekutuan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu ada juga masalah-masalah yang lain yang timbul apabila pegawai-pegawai ini ditukarkan ke Semananjung. Satu, ialah biasanya pegawai-pegawai yang ditukarkan ini adalah mereka yang berkeluarga. Kadang-kadang berkeluarga dengan anak-anak yang ramai. Kedua, mereka yang ditukar adalah mereka yang di peringkat dekat pencen, jadi kalau tujuan exposure, dengan izin, tujuan untuk memupuk integrasi nasional dalam perkhidmatan, pencapaiannya cukup limited, dengan izin, kerana tidak lama lagi balik ke negeri masing-masing dan pencen.

Jadi, pelabuhannya dalam perkhidmatan awam dan untuk tujuan-tujuan yang termaktub tidak tercapai. Jadi, Tuan Pengerusi, kita mintalah supaya pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil perkara ini dengan ketetapan yang baru kerana ia masih lagi terus berleluasa.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, mereka yang dikirim itu berkeluarga dan kebiasaannya satu daripada ahli keluarga, iaitu isteri atau suami dan mereka di sini bertahun-tahun. Pulang satu kali, dua bulan atas kewangan sendiri bersama dengan keluarga pada masa kita mengatakan memupuk keluarga damai, keluarga cemerlang, keluarga sebagai institusi asas pembangunan negara, ini tidak konsisten, dengan izin kerana saya tahu beberapa keluarga mahupun dari Sabah ataupun Sarawak yang berbulan-bulan, bertahun-tahun terpisah daripada keluarga mereka walaupun pegawai wanita ataupun pegawai lelaki dan kita berharaplah pihak kementerian mengambil perkara ini dengan langkah yang baru supaya menyelesaikan masalah yang ada.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, satu lagi iaitu dari segi elaun perpindahan dan elaun pertukaran dan dalam bentuk ini ialah elaun perumahan bagi pegawai-pegawai di peringkat negeri Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung. Misalnya dalam kategori 'B', bagi elaun perumahan bagi pegawai yang bertugas di Sabah RM1,050 bagi satu bulan. Bagi pegawai dari Sabah yang bertugas di Semenanjung, RM400, jadi satu jurang yang besar malahan sewa-sewa perumahan di Kuala Lumpur kerana ia lebih membangun dari negeri Sabah lebih mahal daripada rumah-rumah sewa di negeri Sabah mahupun di negeri Sarawak. Jadi, untuk RM400 satu bulan bagi pegawai 'B', di mana mahu tinggal untuk mendapatkan tempat seperti yang boleh di dapati dengan RM400? Walhal di negeri Sabah, pegawai-pegawai kita yang sama

yang bertugas di sana, mendapat claim RM1,050, boleh dapat rumah jenis Semi-D ataupun kalau tiga empat batu dari pekan boleh dapat bungalow.

Jadi, ini satu jurang yang besar. Saya difahamkan telahpun di bawa kepada pihak jabatan dan kementerian begitu lama sekali, tahun 1992 tetapi dikatakan sedang dikaji, tahun 1994 sedang dikaji, sampai sekarang belum juga ada keputusan. Jadi, apa pula kajian begitu lama sekali? Kajian demi kajian. Saya rasa katakan Malaysia boleh! JPM pun boleh! Ini bukannya perkara besar, ini perkara keseimbangan untuk memperbaiki moral, memperbaiki sumbangan mereka di dalam perkhidmatan awam. Kita memohonlah supaya pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil tindakan yang lebih tegas.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya percaya, kita berharaplah dalam bentuk keseluruhan. Kita memang sedia maklum beberapa jabatan, saya percaya yang asas perlu perkara-perkara yang strategi dan lain-lain dipegang oleh pegawai-pegawai persekutuan. Kita juga sedia maklum bahawa memang secara minimum pegawai-pegawai persekutuan perlu bertugas di peringkat negeri mahupun di Sabah dan di Sarawak tetapi jumlah yang besar, itu saya percaya, Tuan Pengerusi, masih boleh dikurangkan khususnya di peringkat bawahan, kalau kerani pun dilantik dari pusat, pegawai-pegawai di peringkat 'C' dan 'D' dan lower rank of 'B', dengan izin, saya percaya itu tidak membawa sungutan kepada pegawai-pegawai di peringkat negeri dan tidak

seterusnya pula menutup peluang bagi anak-anak watan di peringkat negeri untuk mengambil bahagian.

Saya mengucapkan syabas kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebab saya difahamkan mereka telah membuat dasar supaya semua kakitangan sokongan hendaklah dilantik ataupun diambil daripada peringkat negeri. Jadi, saya rasa kita alu-alukan ini dengan harapan dalam jabatan-jabatan agensi pekerjaan persekutuan yang lain ini juga boleh diimplementasikan. Kalau security guards, secretary, typist semuanya, cook pun diambil dari peringkat pusat jadi apalah peluang anak-anak kita untuk membentuk sumbangan dan sumber tenaga mereka kepada negara.

Saya berharap bahawa satu langkah atau program yang spesifik dilaksanakan, bukan sekadar ditinggalkan di peringkat pegawai-pegawai untuk mengaturnya yang barangkali tidak peka kepada matlamat kerajaan keseluruhan dari segi memupuk perpaduan, kerjasama dan seterusnya membentuk perkhidmatan awam yang dikatakan moden dan dapat menampung pembangunan negara masa depan.

Pada saat-saat ini, kita mengalu-alukan perkembangan dalam jabatan Perkhidmatan Awam yang mengatakan bahawa fokus ialah customer first atau the public first dan kita alu-alukan ini. Sekarang kita difahamkan ia di dalam tahap di mana tidak lama lagi mengeluarkan certification untuk ISO 9000 dan ini....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa dah suntuk.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kita mengalu-alukan semua ini, Tuan Pengerusi, tetapi pada masa yang sama, perkara-perkara asas, seperti mana yang saya sentuh saya berharap pihak Jabatan Perdana Menteri, khasnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dapat mengambil ketetapan yang lebih spesifik untuk kebaikan semua.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

4.52 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.10 iaitu Jabatan Peguam Negara.

Di sini, merujuk kepada apa yang telah disebutkan semalan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong di mana beliau dijadikan mangsa oleh Yang Berbahagia Dato' Peguam Negara dan di dalam satu siasatan oleh pihak Badan Pencegah Rasuah ke atas satu skandal yang melibatkan seorang Menteri Kabinet di mana sungguhpun adalah tanggungjawab beliau, tetapi dengan begitu sinis sekali, dia telah memaling atau menendang bola ini kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Tetapi, sungguhpun begitu, Yang Berhormat atau Peguam Negara tidak boleh lari daripada tanggungjawabnya untuk memberikan keputusan tentang siasatan yang dijalankan oleh BPR ke atas Menteri Perdagangan Antarabangsa di mana satu laporan rasuah telah dibuat terhadap pemberian saham kepada menantunya sendiri, Fazrin Azwan sebanyak RM25 juta di mana 1.5 juta saham Universal Leader Berhad bernilai RM20 juta dan juga 4,173,901 saham FACB juga kepada menantunya diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Di sini, sungguhpun laporan telah dibuat sekian lama dan siasatan dibuat begitu lama, tetapi satu keputusan muktamad masih belum sampai. Saya tidak tahu kerana ini adalah satu kes yang menunjukkan komitmen kerajaan ke arah membanteras rasuah. Di manakah komitmen kerajaan? Kalau untuk satu kes yang memakan masa dua tahun lebih masih belum mencapai penyelesaian, saya rasa ini menunjukkan bahawa Peguam Negara main politik dalam perkara ini.

Adakah Peguam Negara akan membuat keputusan sehingga selepas pemilihan parti dalam UMNO baru keputusan akan dibuat? Di sini saya tak mahu melibatkan diri dalam masalah atau pilihanraya yang berlangsung dalam UMNO, tetapi sebagai Peguam Negara, dia patut bertindak dengan adil, without fear or favour, dengan izin, tanpa melihat suasana politik.

Kalau sesuatu perkara mesti diambil tindakan dengan cepat, dia mesti membuat keputusan yang berdasarkan undang-undang, bukanlah berdasarkan politik. Di sini, saya menyatakan dengan terang, dia main politik, dia tak layak menjadi Peguam Negara.

Dalam kes Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dia main politik sampai Yang Berhormat Parit Sulong menjadi mangsa. Dimanakah komitmen kerajaan?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini cakap dasar, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya ini secara.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sebab kalau Yang Berhormat hendak menyentuh Maksud B.10, saya rasa saya tak nampak ada sebarang butiran yang bersabit dengan politik kepartian, tidak ada.

Tuan Lim Guan Eng: Ini ialah untuk memastikan, kerana sebagai seorang kakitangan kerajaan, mereka tidak boleh melibatkan diri dalam politik. Ini hanya sebagai ingatan kepada Peguam Negara. Kalau dia hendak menceburkan diri di dalam politik, lebih baik letak jawatan. Jangan menggunakan jawatannya atau berlindung di belakang jawatannya untuk bertindak seperti seorang ahli politik. Dia bukan ahli politik.

Ini bukan sahaja kes sahaja, Tuan Pengerusi. Satu lagi kes ialah mengenai seorang yang datang dari negeri yang sama dengan saya yang juga

sekarang rakan baik kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sekarang.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa Yang Berhormat, teguran telah pun saya beri tadi. Yang Berhormat, elok Yang Berhormat tumpukan kepada Maksud B.10 ataupun maksud yang tertera di dalam.....

Tuan Lim Guan Eng: Yang saya tunjukkan ialah Maksud B.10 kerana....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: B.10 iaitu Peguam Negara dan tentang cara beliau ini menjalankan tugasnya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi cakap dasar itu saya tak benarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya cuma tunjukkan contoh dan contoh ini ialah mengenai satu kes yang juga di tangannya. Satu kes yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Satu lagi kes ialah Presiden Pemuda UMNO. Jangan ingat kerana dia sudah tarik balik tuduhan rasuah kepada Presiden Pemuda UMNO, sudah tak ada kes! Masih ada kes rasuah lagi! Dia masih belum bersih sungguhpun dia cakap bersih daripada rambut sampai hujung kaki. Saya tak tahu macam mana dia boleh bersih.

Kes ini, sungguhpun saya telah buat 14 laporan rasuah kepada BPR mengenai kes Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Peguam Negara membuangkannya, macam tidak mengambil berat dan menganggap ia satu perkara lumrah dan biasa di mana seorang ahli politik, 14 laporan rasuah melibatkan harta benda RM70 juta.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bagan Datok bangun, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Kalau itu hak dan kuasa Peguam Negara, apa hak Ahli Yang Berhormat untuk mempertikaikan soal sama ada dituduh atau tidak dituduh dan dikeluarkan atau tidak dibuat di mahkamah?

Tuan Lim Guan Eng: Masalahnya ialah, kalau Peguam Negara membuat keputusan berlunaskan undang-undang, ini tidak akan dipertikaikan. Tetapi cara beliau membuat keputusan bukan begitu. Kalau seseorang, seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bukan sahaja seseorang itu mesti bersih, dia mesti dilihat bersih. Di sini, kita tidak nampak yang Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik bersih. Tak mahu cakap lihatlah. Lihat lagi tidak bersih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya suka hendak ingatkan Yang Berhormat sekali lagi bahawa kalau Yang Berhormat

masih menyentuh Maksud B.10, ianya bersabit dengan bayaran emolumen dan imbuhan kakitangan awam dalam Jabatan Peguam Negara. Yang Berhormat hendak pertikaikan watak-watak yang tidak kena-mengena dengan jabatan ini, buat apa?

Tuan Lim Guan Eng: Ini ialah cara dia menjalankan tugasnya dalam kes-kes rasuah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sekadar contoh, saya beri. Tetapi ini didapati tidak, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itu sebagai satu contoh.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ini Yang Berhormat ghairah sangat tumpukan kepada kes yang pernah Yang Berhormat bangkitkan dalam Dewan ini.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ini kes baru.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cakap dasar, saya beri, tetapi bukan sekarang, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya setuju dengan Tuan Pengerusi. Tetapi kes yang saya sebut sebelum ini ialah kes lama. Sekarang, yang saya rujuk ialah kes baru di mana saya....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi kita sekarang ini berada dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu. Tetapi sebab itu saya tunjukkan contoh dan ini ialah satu contoh.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Satu sahaja, Tuan Pengerusi. Satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kena faham itu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tahu, satu sahaja iaitu di mana yang telah dibuat pada bulan 20hb. Januari 1996 dan di sini siasatan ke atas Tan Sri Rahim yang menyalahgunakan wang rakyat untuk kempen politiknya. Menggunakan wang sebanyak RM194,204.00 wang rakyat untuk buat apa? Beli pen - sebatang pen bernilai RM190 untuk seminar politik anjurannya semasa berkempen Presiden Pemuda UMNO. RM57 sebungkus.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat. Walaupun masa tidak mengizinkan, saya hendak tanya Yang Brehormat, apa kena-mengenanya dengan Jabatan Peguam Negara ini?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ini ialah sebagai latar belakang.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sama ada penggunaan wang sekian-sekian banyak itu, itu tidak ada bersabit dengan emolumen dan imbuhan yang berkenaan.

Kalau Yang Berhormat dalam perbahasan dasar, itu saya beri. Saya tentu akan benarkan Yang Berhormat berucap. Tetapi sekarang ini dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Saya setuju Tuan Pengerusi, tetapi di sini yang saya rujuk ialah tentang prestasi Peguam Negara....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat terus degil, saya terpaksa Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: Bukan. Saya....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya terpaksa berhentikan Yang Berhormat menyentuh soal ini.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya gulung untuk jelaskan kepada Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat. Ini hak saya.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana saya rasa itu hak saya sebagai seorang wakil rakyat.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak. Hak itu kena akur kepada keputusan yang dibuat berlandaskan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya faham, Tuan Pengerusi, tetapi juga berdasarkan hak sebagai seorang wakil rakyat untuk membawa masalah-

masalah yang berbangkit dan di sini saya hanya merujuk kepada Peguam Negara di mana dia tidak mahu buat keputusan yang bernas dalam kes...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak gulung, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi bukan pada topik yang sama juga.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana itu yang saya sebut hanya satu maksud sahaja - B.10 dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menunjukkan atau mengeluarkan arahan supaya dalam kes di mana pecah amanah wang rakyat terbabit. Satu komitmen yang jelas ditunjukkan oleh pihak kerajaan dan jangan bersandiwara politik dan kerana orang tertentu, orang atas boleh rasuah, hanya tindakan diambil ke atas orang bawah sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa kita tidak boleh benarkan double standard seperti ini lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya Tuaran, selepas itu Jabatan Perdana Menteri diminta jawab.

5.02 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan dan

Jabatan Perdana Menteri. Memang Yang Berhormat dari Bandau telah menyentuh serba panjang mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi saya juga ingin menyentuh tentang prestasi Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah. Memang kita banyak....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, maksud yang ke berapa itu?

Tuan Yunof Edward Marinking: Maksud B.5 sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Yunof Edward Marinking: Maksud B.5 sahaja, A dan B.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: B mana.

Tuan Yunof Edward Marinking: A dan B. B.5.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: B.5

Tuan Yunof Edward Marinking: Bahagian A dan B. Kedua-dua sekali.

Di Sabah terdapat banyak Jabatan Persekutuan yang menjalankan berbagai-bagai kegiatan dan saya berharap supaya pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan memastikan supaya kakitangannya akan menjalankan tugas sebaik-baiknya khusus kepada JPPS. Saya ada menyentuh bahawa saya terkilan dengan jawapan...memang sangkut, Tuan Pengerusi. Memang bersangkutan.

Jadi, saya terkilan dengan jawapan oleh kerana mereka kata semua projek dijalankan dengan baik ataupun mengikut jadual. Itu berdasarkan progressive payment, dengan izin Tuan Pengerusi. Itu bukan semestinya menunjukkan bahawa kerja itu sudah siap. Jadi, inilah yang kita minta supaya kakitangan kerajaan khusus Jabatan-jabatan Persekutuan yang menjalankan projek-projek Persekutuan harus memastikan bahawa bukan sahaja tidak ada penyelewengan tetapi supaya kerja itu disiapkan mengikut spesifikasi yang dikehendaki oleh kerajaan supaya wang rakyat tidak akan dibelanjakan begitu sahaja.

Untuk maksud ini, oleh kerana saya fikir jabatan-jabatan ataupun kementerian-kementerian yang lain tidak ada mempunyai pejabat-pejabat di Negeri Sabah, jadi, sukar bagi rakyat untuk menghubungi kementerian-kementerian. Mereka tidak tahu di mana hendak memohon sesuatu peruntukan atau mengemukakan masalah yang di bawah pentadbiran Persekutuan. Kita harus ingat bahawa negeri Sabah ini lebih kurang tiga perempat besarnya dibandingkan dengan Semenanjung. Jadi, bukan senang bagi rakyat untuk turun ke Kota Kinabalu untuk mengemukakan masalah-masalah di daerah masing-masing.

Jadi, seharusnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam membuat perakuan supaya Jabatan-jabatan Persekutuan juga diadakan di peringkat daerah untuk menyenangkan orang kampung untuk mendapat perkhidmatan.

Hanya yang ada saya ingat, ialah Jabatan Pendidikan dan juga Jabatan Kesihatan. Yang lain-lain tidak ada. Jadi, kita minta supaya diadakan. Memang ada Jabatan Pendaftaran, tetapi bukan semua. Ada di daerah-daerah besar sahaja. Itulah yang menyulitkan sebenarnya.

Tentang penggantian kad pengenalan di Sabah terutama di luar bandar di mana setakat ini saya fikir hanya 45% sahaja rakyat yang telah menggantikan kad pengenalan mereka dan yang malang ialah pihak jabatan tidak memahami masalah ataupun sengaja tidak memahami masalah.

Jadi, saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri akan membuat kajian sebaik-baiknya di dalam hal ini supaya rakyat tidak akan ketinggalan di dalam mendapatkan perkhidmatan daripada jabatan-jabatan ataupun kementerian Persekutuan.

Satu lagi yang saya ingin sentuhkan ialah tentang mengadakan satu Federal...

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Minta laluan. Minta jalan. Sekejap ya, sekejap. Hendak beri?

Tuan Yunof Edward Marinking: Kenapa hendak ganggu Yang Berhormat Jelebu? Ini tidak ada masalah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Bukan. Sekejap sahaja. Kalau beri, kalau tidak beri, tidak apa.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri Yang Berhormat?

Tuan Yunof Edward Maringking: Berilah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin sedikit sebanyak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Apakah selama ini di Sabah tidak ada pembangunan? Walaupun pejabat Persekutuan tidak ada di daerah-daerah, apakah cara selama ini projek-projek disalurkan kepada peringkat-peringkat daerah dan juga kampung? Apakah Pejabat Persekutuan yang ada di Sabah ataupun pejabat SGO yang ada di Sabah tidak berfungsi selama ini? Saya mohon penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ini masalahnya Tuan Pengerusi ialah Yang Berhormat dari Jelevu hanya tinggal di Jelevu. Dia tidak datang ke Sabah. Itu sebab dia tidak tahu apa keadaannya di situ. Penjelasannya.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Beri saya peluang....

Tuan Yunus bin Rahmat: Sekejap sahaja. Mahu beri penjelasan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak. Tidak. Saya belum habis menjelas, mahu lagi penjelasan. Macam mana? *[Ketawa]*

Tuan Yunus bin Rahmat: Mahu minta penjelasan lagi.

Tuan Yunof Edward Maringking: Yalah, tetapi biar saya habiskan penjelasan dulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jangan tawar menawar di sini. Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan teruskan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, tetapi dia bangun. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Pengerusi, memang kita tahu. Saya harap Yang Berhormat dari Jelebu faham, kita bukan tidak menghargai peranan itu tetapi kita berpendapat kalau ada jabatan-jabatan mengawal selia di peringkat daerah, keberkesanan perkhidmatan itu lebih bertambah. Kita tidak menafikan bahawa ada juga perkhidmatan. Kalau kita katakan bahawa langsung tidak ada, saya fikir Tuhan sahaja yang tahulah. Tetapi kalau kita kata semuanya perfect atau allright dan tidak ada yang perlu diperbaiki, Tuhan juga yang tahu. Jadi, itulah hakikatnya.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sedikit sahaja. Sedikit sahaja.

Tuan Yunof Edward Maringking: Sikit-sikit lama-lama jadi bukit.

[Ketawa]

Tuan Yunus bin Rahmat: Sabah sama Semenanjung sama bak. Sabah sama Semenanjung sama bak. Mahu minta penjelasan sikit sahaja.

Tuan Yunof Edward Maringking: Yang tadi itu tidak cukup lagi?

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat. Walaupun saya tinggal di Jelebu tetapi perkembangan di Sabah saya juga tahu, malah untuk pengetahuan, saya pernah berkhidmat dengan Timbalan Menteri dari Sabah. Jadi, banyak peruntukan-peruntukan yang telah kita bawa ke sana. Jadi, Yang Berhormat kena faham sedikitlah. Jangan anggap bahawa saya ini tinggal di Jelebu sahaja, tidak mengetahui perkembangan di dunia Sabah umpamanya. Itu sahaja saya mahu beritahu, bukan penjelasan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ini bukan mahu minta penjelasan, ini beri penjelasan namanya. *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Oleh kerana tidak ada minta penjelasan, jadi tidak perlu dijelaslah, Tuan Pengerusi.

Satu perkara lagi Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh ialah mengenai jalan raya. Saya pernah menyentuh satu ketika dahulu bahawa Kerajaan Persekutuan perlu mengadakan pejabat atau rangkaian pejabat Federal Highway Authority di Sabah. Saya minta ini oleh kerana berdasarkan

pemerhatian saya sendiri. Pada masa ini, memang ada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk maksud ini, tetapi disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah.

Saya sudah mengatakan juga bahawa Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah sendiri pun sangat sibuk dan yang paling malang sekali ialah kalau ada gangguan di dalam Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, misalnya pada masa ini kereta itu diswastakan. Ini bukan menyenangkan, tidak ada kereta langsung untuk jurutera-jurutera disebabkan pihak swasta yang mengawal peruntukan kereta, maka jurutera tidak dapat menggunakannya, tetapi wang itu dipakai. Jadi, inilah tidak ada kawal selia daripada Federal Highway Authority.

Saya mencadangkan supaya pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengkaji perkara ini dengan sebaik-baiknya bukan setakat kita mahu menegur, tetapi kita mahu supaya perkhidmatan kerajaan di seluruh negara dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh rakyat jelata.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sila gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya. Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, memang kita akui bahawa Jabatan Perdana Menteri mengawal selia tentang pilihan raya, mungkin ada di sini, khusus mengenai perkara ini.

Saya mahu sentuh di bawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri, oleh kerana perkara ini adalah mengenai perundangan.

Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Maksud yang keberapa?

Tuan Yunof Edward Maringking: Maksud B.5.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya!

Tuan Yunof Edward Maringking: Iaitu Jabatan Perdana Menteri, dia yang mengawal selia Suruhanjaya Pilihanraya - memang ada bersangkutan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa agak jauh ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, kalau tidak.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Sedikit sahaja, saya akan gulung....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah sampai, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, saya akan gulung selepas ini. Sedikit sahaja.

Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana di Sabah kita telah banyak membuat bantahan mengenai pendaftaran para pengundi dan memang

ada prosedur - saya tahu, sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu perkara itu, tetapi itu adalah prosedur. Walaupun pegawai pendaftar tidak mengikut peraturan atau mengikut undang-undang, tetapi yang paling malang ialah pegawai rayuan tidak langsung mengadakan pendengaran, oleh kerana mereka sendiri tidak tahu undang-undang ataupun mereka tidak mahu menjalankan tugas menurut undang-undang.

Saya minta supaya Jabatan Perdana Menteri menggubal semula peraturan-peraturan pendaftaran pengundi supaya diperjelaskan tugas-tugas ataupun syarat-syarat mengadakan pendaftaran, bantahan dan seterusnya siasatan awam serta rayuan terhadap siasatan awam pendaftaran.

Saya juga memohon supaya Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai kakitanganya sendiri di dalam menghadapi masalah ini, oleh kerana masalahnya sekarang ialah part-time.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Suruhanjaya Pilihanraya ini saya rasa tidak masuk dalam Maksud yang berkenaan, Yang Berhormat?

Tuan Yunof Edward Marinking: Tetapi di bawah jagaannya, Tuan Pengerusi. Jadi, ada.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cuba

Tuan Yunof Edward Marinking: ada sangkutlah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Lihat apa tertera dalam buku itu. Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, walaupun Tuan Pengerusi kata tidak ada, saya gulunglah.....

Seorang Ahli: Cukuplah! *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, saya harap dapat perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada sahabat saya Timbalan Menteri yang memang akan menjadi AMT UMNO akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Jabatan Perdana Menteri diminta jawab.

5.18 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Tanjong, Machang, Bandau, Kota Melaka dan Tuaran yang telah membangkitkan perkara-perkara - ada yang khusus, ada yang dasar dalam perbincangan sebentar tadi.

Saya akan cuba untuk menjawab seberapa yang boleh. Pertamanya berkenaan dengan soal Peguam Negara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Kota Melaka dan juga Tuaran.

Tuan Pengerusi, sememangnya amalan Parlimen kita iaitu apa juga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan semestinyalah

dijawab oleh wakil-wakil yang telah pun dipertanggungjawabkan seperti mereka yang menjawat jawatan menteri, timbalan menteri di dalam kementerian yang mana mereka mewakili dalam Dewan ini.

Saya menafi sekeras-kerasnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong iaitu bahawa kerajaan tidak menjawab segala perkara yang telah dibahaskan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya telah membaca *Hansard* di mana dalam penggulungan menteri berkenaan telah pun menjawab, mungkin jawapannya tidak memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi ini tidak bermakna bahawa perkara-perkara ini tidak dijawab oleh menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan 'surat layang'. Saya ingin menyatakan di sini iaitu sememangnya saya sendiri pun tidak membaca surat layang ini, kerana ianya disebut sebagai surat layang. Penyiasatan dibuat ialah untuk menyiasat siapa yang menulis surat layang ini, kerana menulis surat layang merupakan satu kesalahan. Oleh kerana itu, penyiasatan adalah dibuat untuk mencari siapa sebenar yang menulis surat layang ini. Soal sama ada perkara di dalam kes itu menteri berhak untuk menjawab kalau dia tidak membaca, sememangnya perkara itu pun tidak berhak untuk dibawa ke dalam

Majlis ini untuk dibincang, kerana dia merupakan surat layang, jadi kita tidak dapat merujuk kalau.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, kalau kerajaan pandang serius tentang tulisan surat layang tersebut, adakah kerajaan hendak mendakwa mereka yang didapati menulis surat layang tersebut dan kalau hendak didakwa agaknya bila akan didakwa orang yang bertanggungjawab menulis surat layang itu?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, menulis surat layang adalah merupakan satu kesalahan dan sudah tentulah kalau kita dapat orang yang bertanggungjawab menulis surat layang ini, sudah tentulah dia akan didakwa di bawah undang-undang yang ada dalam negara kita. Bila dia akan didakwa, itu seharusnya menunggu keputusan penyiasatan yang dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab pada waktu ini.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya sama ada menteri yang bertanggungjawab untuk menggulung dalam isu ini, sama ada beliau ada membaca surat-surat itu adalah mustahak. Oleh kerana bukan sahaja siasatan mengenai surat layang ialah siapa yang menulis, siapa yang menyebarkan surat

layang itu, tetapi sama ada tuduhan-tuduhan mengenai korupsi terhadap 12 orang hakim yang ada dinamakan benar atau tidak benar, bukankah ini juga untuk tujuan siasatan dan kalau begitu bukankah mustahak bahawa jika didapati tuduhan-tuduhan itu benar, bukan sahaja siasatan boleh diadakan, tetapi satu siasatan yang adil di mana siasatan mengenai siapa tulis dan menyiarkan surat layang dibuat oleh pihak polis, juga siasatan mengenai tuduhan-tuduhan korupsi terhadap hakim-hakim dibuat oleh ACA. Jadi, keputusan itu hendak dibuat oleh pihak kerajaan supaya apa yang adil boleh dilakukan dan ini boleh dibuat selepas membaca surat layang itu sahaja.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, surat layang adalah surat yang tidak ditandatangani oleh sesiapa saya tidak membaca, sebab kita dilatih sebagai peguam, segala tuduhan yang dibuat itu mestilah ada orang yang bertanggungjawab di atas tuduhan itu. Kalau kita mengambil tindakan di atas segala apa yang ditulis oleh orang dalam surat layang, bermakna kita boleh memfitnah orang tanpa bertanggungjawab. Jadi, sebab itulah saya tidak membawa surat layang itu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah ini bererti bahawa kerajaan sebenarnya tidak akan siasat mengenai tuduhan korupsi yang ada dibuat

terhadap hakim-hakim, oleh kerana ini ditulis oleh orang yang tidak bernama, bahawa sama ada asas atau tidak berasas tidak akan menjadi satu penyiasatan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kita mengarahkan pihak berkenaan untuk menyiasat bagi mencari siapakah yang bertanggungjawab di atas menulis dan menyibar surat layang ini. Mungkin daripada hasil siasatan itu, kalau kita dapat sumbernya bahawa ada orang yang menulis itu, kemudian harus ditanya pula sama ada orang yang bertanggungjawab menulis itu sanggup untuk membuat tuduhan yang rasmi. Kalau dia tidak membuat aduan yang rasmi, bagaimana kita hendak mendakwa segala apa yang ada isi kandungan surat layang ini, kerana ia tidak berasas.

Selagi tidak ditandatangani dan tidak ada orang yang bertanggungjawab untuk membuat pengaduan, maka itu merupakan surat layang, tidak ada tuduhan yang rasmi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya amat terkejut sedikit dalam jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa nampaknya kerajaan tidak mahu menyiasat tentang isi surat itu kerana tidak ada orang buat laporan rasmi. Saya pernah membaca satu laporan yang dibuat oleh Peguam Negara, bahawa penyiasatan boleh bermula walaupun dengan laporan dalam akhbar, dengan laporan pihak ketiga, itu boleh memulakan penyiasatan.

Mengapakah tidak asas-asas seperti ini bahawa penyiasatan boleh dimulakan tentang kandungan yang terdapat dalam surat tersebut?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kandungan dalam isi surat layang ini, kita terpaksa merujuk kepada orang yang membuat pengaduan itu. Dan bagaimana kita hendak membuat siasatan di atas isi kandungan surat layang itu kalau kita tidak dapat merujuk kepada orang yang bertanggungjawab membuat pengaduan itu. Sebab itu, saya kata sebentar tadi bahawa siasatan yang kita buat ialah pertamanya, untuk memastikan siapakah yang bertanggungjawab menulis dan menyebarkan perkara ini. Apabila kita dapati mereka ini, maka selepas itu....

Tuan Lim Kit Siang: Minta jalan. Ini kenyataan yang sangat mustahak, oleh kerana ini bercanggah dengan laporan asal tersebut, kenyataan Peguam Negara bahawa siasatan juga akan dijalankan mengenai tuduhan korupsi yang dilemparkan terhadap kehakiman. Adakah apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah satu kenyataan, satu 'back tracking' oleh kerajaan bahawa selain daripada kerajaan boleh memastikan siapa yang menulis surat layang itu, siasatan tidak akan memeriksa sama ada tuduhan-tuduhan korupsi itu benar atau tidak benar. Adakah keadaan terkini kerajaan bahawa selain daripada tahu siapa menulis surat layang itu, kerajaan atau pihak polis tidak akan siasat sama ada tuduhan rasuah terhadap 12 orang hakim ada dinamakan dalam surat layang itu, benar atau tidak benar?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingin bertanya Yang Berhormat, siapakah yang membuat tuduhan ini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tak boleh bercakap fasal itu. Jika tak beri jalan, tidak diberi jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, saya minta maaf. Ahli Yang Berhormat harus ketahui bahawa dalam soal ini ada dua persoalan, iaitu penyiasatan dibuat ialah untuk mencari siapa yang menulis dan siapa yang menyibar surat layang ini. Kerana penulisan surat layang ini adalah merupakan kesalahan. Yang inilah kita kena selesai dahulu. Sebab apabila kita, selepas itu dapat tahu siapa yang menulis dan siapa yang menyebarkan, dan kemudian ada orang yang menulis dan menyebarkan itu sanggup bertanggungjawab untuk membuat aduan rasmi berkenaan dengan tuduhan korupsi terhadap beberapa hakim ini, barulah boleh kita menjalankan siasatan seterusnya.

Jadi, sebab itu kita harus tahu di sini iaitu untuk membezakan di antara kesalahan menulis surat layang ini.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tanjong Karang bangun. Sila Tanjong Karang

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan badan kehakiman ini merupakan badan yang penting yang menentukan keadilan

dalam negara kita ini, dan rakyat menaruh harapan yang tinggi kepada badan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan. Apakah sekiranya kerajaan memutuskan untuk menyiasat laporan-laporan dalam surat layang itu, adakah kerajaan akan hebohkan kepada orang ramai bahawa tindakan akan diambil? Dan jika kerajaan hebohkan bahawa kerajaan telah menyiasat terhadap isi kandungan surat layang tersebut dan terhadap hakim-hakim yang berkenaan, apakah perkara ini telah dihebohkan di dalam media massa ataupun dihebohkan kepada umum. Tidakkah nanti akan menjejaskan imej kehakiman dan akan menghilangkan terus kepercayaan rakyat kepada badan yang kita hormati ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kalau kita lihat bahawa sudah wujud satu suasana yang mana kehakiman merupakan satu perkara yang sudah sedikit-sebanyak terjejas kepercayaan rakyat terhadapnya, kita harus bertanggungjawab dan tidak sepatutnya lebih memudaratkan suasana lagi dengan membuat perkara-perkara yang tidak boleh mendatangkan keuntungan kepada kita. Sebab itu, saya harap bahawa janganlah kita mengambil kesempatan ini untuk memburukkan lagi suasana kerana siasatan sedang berjalan pada waktu ini. Sebab itu, saya berharap supaya kita bersabar sedikit kerana sepertimana Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa siasatan sedang berjalan untuk mengenal pasti siapakah yang bertanggungjawab dalam membuat surat layang ini dan menyibar surat layang ini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak beri jalan, Yang Berhormat, saya hendak jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Yang akhir.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul ini akhir?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ada buat satu laporan polis pada 15hb. Mac mengenai surat layang itu, yang ada mengandungi dua aspek; pertamanya, siapa menulis dan menyebarkan surat layang, dan kedua, mengenai tuduhan-tuduhan rasuah terhadap kehakiman yang sangat serius. Kenapa siasatan ini tidak boleh dijalankan dua aspek. Pertama, mengenai siapa tulis, siapa menyebarkan surat layang dibuat oleh pihak polis, dan mengenai tuduhan rasuah sama ada benar atau tak benar dibuat siasatan oleh ACA, oleh kerana laporan polis sama ada untuk polis mengenai kesalahan jenayah atau untuk ACA ialah sama-sama mengikut Criminal Procedure Code, seksyen 107. Satu laporan boleh diedarkan, kepada pihak polis, pun boleh diedarkan kepada ACA yang menunjukkan bahawa kita pun sangat tegas dalam isu untuk membanteras masalah rasuah?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penyiasatan tuduhan yang ada dalam surat layang ini merupakan satu perkara yang serius. Sebab itu kita memerlukan, dengan izin, 'to act with caution' dan kita hendak pastikan

supaya semua prosedur-prosedur ini telah pun diambil, kerana kita tidak mahu bahawa perkara ini hanya dibangkitkan, disabitkan oleh kerana kehendak-kehendak satu pihak sahaja kerana tidak puas hati dan lain-lain lagi.

Sebab itu, kita memakan masa sedikit dalam penyiasatan ini. Kita harus bersabar. Yang kita tidak mahu kalau tidak ada tindakan diambil. Setakat ini sememangnya tindakan akan diambil, jadi kita harus bersabar dahulu. Selepas itu, apabila keputusan segala-galanya telah kita ambil dan kita memutuskan untuk mengambil apa tindakan selepas ini, saya kira itu adalah lebih penting daripada kita anticipate apa yang akan berlaku dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan rasuah, Yang Berhormat dari Tanjong ada bangkit berkenaan Transparency International. Saya kira siapakah yang menulis berkenaan dengan kedudukan rasuah dalam sebuah negara itu, itu boleh dijadikan satu perkara bahan bacaan, dan saya kira yang lebih penting ialah untuk kita mengambil tindakan untuk membasmi rasuah ini.

Tidak ada apa keuntungannya kalau kita pergi ke merata-rata tempat menceritakan mengikut Transparency International ini bahawa Malaysia mempunyai kedudukan yang tinggi, rasuah teruk - apa untungnya? Yang penting kita ambil tindakan, kalau kita tahu bahawa rasuah itu ada berlaku dalam negara kita, kita ambil tindakan dan dalam hal ini kita tidak boleh hanya mempersalahkan kepada pihak pegawai kerajaan sahaja, sebab dalam kes

rasuah kita tahu bahawa bukan sahaja penerima yang bersalah, tetapi yang memberi juga.

Jadi, dengan sebab itu, kita jangan cepat, untuk membuat satu condemnation, dengan izin, terhadap pegawai kerajaan kita, tetapi kita harus juga mengambil kira bahawa mungkin dipihak orang ramai juga, yang tidak menjadi pegawai kerajaan yang memberi rasuah - ini juga harus di pandang berat tentang perbuatan mereka ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Machang membangkitkan masalah petisyen pilihanraya dan beliau menyatakan mengapa tidak boleh diberikan three-tier appeal, di mana selepas sesuatu keputusan telah diambil, kalau tidak ada perasaan puashati terhadap keputusan itu, maka hendaklah di adakan mahkamah di mana orang yang tidak berpuas hati itu merayu di atas keputusan yang tidak memihak kepada mereka.

Tuan Pengerusi, pertamanya, saya ingin menyebutkan di sini, bahawa dalam soal kes pilihanraya ini, ia merupakan apa yang dikatakan special court di mana diwujudkan khusus untuk mendengar kes-kes yang dibangkitkan berkenaan dengan pilihanraya. Oleh kerana ia merupakan special court dan ia bukan tribunal.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, setahu saya, bukan special court dalam mahkamah kita sekarang ini. Kita tidak ada special court mengenai pilihanraya, tidak seperti di India. Di India di "set-up" satu

court khusus mengenai pilihanraya dan hakimnya berasingan - kita tidak ada. Yang adanya ialah hakim pilihanraya tetapi dilantik daripada hakim-hakim yang ada di Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Rayuan. Jadi, kalau ada special court itu, barangkali boleh terima fasal hakimnya yang terlatih dari segi peraturan dan sebagainya. Kita tidak ada special court pilihanraya - saya tidak bersetuju Yang Berhormat, dari aspek ini.

Saya minta penjelasan Yang Berhormat, kalau kita tidak ada special court ini, mengapa kita tidak boleh pinda undang-undang ini memberi hak yang lebih luas kepada litigan supaya proses kehakiman itu berjalan dengan baik dan rasa tidak puashati litigan yang terlibat itu dapat disalurkan melalui pendapat yang lebih tinggi atau diputuskan mengikut hierarki yang lebih tinggi daripada susunan mahkamah-mahkamah kita yang ada sekarang.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini peguam, dan kita sebagai peguam, kita tahulah bahawa apabila digunakan suatu perkataan itu dia boleh mendatangkan berbagai-bagai makna. Jadi, makna yang saya maksudkan dengan special court ini tidaklah seperti makna yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang yang memaksudkan bahawa special itu suatu yang khusus. Kepada saya special court ini mengikut jawapan saya ialah apabila mahkamah itu tidak wujud dalam suasana yang biasa, maka diwujudkan waktu khas untuk mendengar kes pilihanraya - itu maksud saya dengan special court, bukan seperti yang

dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu satu mahkamah yang special dengan hakim yang special - bukan begitu. Maksud saya ialah satu mahkamah yang pada masa biasa tidak ada, tetapi apabila ada kes pilihanraya, maka untuk mendengar kes pilihanraya ini, dia adakan mahkamah ini. Itu maksud saya dengan mahkamah special itu. Jadi, ini sebagai penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, oleh kerana itu, dan oleh kerana hakim itu duduk sebagai seorang hakim mahkamah High Court, maka dia tidak merupakan tribunal di mana keputusannya itu tidak boleh dirayu ke atas dengan writ-writ seperti certiorari dan lain-lain lagi. Sebab itu tidak ada rayuan terhadap keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah pilihanraya ini. Perkara yang penting di sini ialah kemuktamadan, sebab kita tahu bahawa kita tidak mempunyai masa yang banyak walaupun Perlembagaan kita mengatakan bahawa pilihanraya itu boleh diadakan 5 tahun sekali, tetapi kadangkala setelah dua, tiga tahun kita akan mengadakan pilihanraya. Jadi, kemuktamadan itu adalah penting, kerana kemuktamadan itulah menyebabkan kita supaya tidak boleh mengadakan rayuan daripada keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah pilihanraya ini.

Dalam kes-kes yang lain, yang Yang Berhormat sebut iaitu “equality before the law, before the court”, itu mempunyai masa yang lama.

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi kata tidak boleh diwujudkan rayuan ini kerana soal masa. Soal

masa ini boleh diperuntukan di bawah Akta berkenaan, misalannya, satu keputusan pilihanraya mesti dibuat dalam masa 1 bulan didengar. Rayuan boleh dibuat dalam tempoh 10 hari, pendengaran rayuan boleh diperuntukan masa dan boleh didengar dalam satu bulan. Tidak ada masalah. Ada perkara-perkara lain dalam undang-undang jenayah dan undang-undang sivil kita, peruntukan masa ini diberi. Kalaulah soal masa ini yang kita fikir bahawa kita ada pilihanraya dalam negara ini 5 tahun sekali - baik. Kita boleh failkan petisyen pilihanraya dalam tempoh satu bulan, kemudian di dengar dalam tempoh 1 bulan, mendengar rayuan dalam tempoh 1 bulan, keseluruhannya mengambil masa 3 bulan - selesai. Katakanlah kalau kita failkan selepas bulan April, tahun lepas, rasanya pada bulan 8 semuanya sudah selesai - tidak timbul masalah dari segi masa.

Persoalan yang saya minta sekarang ini ialah mengapa kita tidak boleh mewujudkan sistem rayuan itu. Itu sahaja. Kalau kerajaan kata sanggup hendak melihat perkara ini dan sanggup hendak meminda dan mengkaji peruntukan perundangan ini supaya bersesuaian supaya dapat diberi hak kepada litigan, barangkali jawapan itu boleh kita terima sedikit. Ruangnya sekarang terlalu ketat sangat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masa merupakan fakta yang penting, sebab itu buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk meminda undang-undang bagi membolehkan keputusan hakim

pilihanraya dirayu di mahkamah yang lebih tinggi. Kerajaan berpendapat tidak perlu mengetahui dengan secepat mungkin kesahan pemilihan seseorang calon dalam sesuatu pilihanraya. Sekiranya keputusan hakim pilihanraya boleh dirayu kepada mahkamah yang lebih tinggi, kelengahan yang akan berlaku boleh menjejaskan pentadbiran di peringkat persekutuan dan negeri. Saya sudah menyebutkan tadi bahawa masa merupakan satu faktor yang penting sebab itu saya jelaskan juga kepada Yang Berhormat tadi, walaupun pilihanraya dibolehkan 5 tahun sekali, tetapi kadangkala 3 tahun pun kita sudah adakan pilihanraya.

Jadi, kalau perkara ini berterusan, maka apa yang akan berlaku ialah rakyat tidak mendapat, dengan izin, representation, daripada wakilnya yang sepatutnya menjalankan tugasnya untuk membantu mereka dalam hal-hal yang dihadapi oleh mereka pada tiap-tiap hari. Jadi, dengan sebab itulah Ahli Yang Berhormat dari Machang, setakat pada hari ini kerajaan tidak berhasrat untuk meminda supaya diadakan mahkamah rayuan terhadap keputusan yang telah diambil oleh mahkamah ini tadi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bukan begitu, dalam ucapan saya tadi, saya ada sebut kes Ahli Bukit Bintang sebagai contoh. Ada satu kes lagi iaitu kes Yang Berhormat dari Gua Musang di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Kes ini sudah selesai, Tuan Pengerusi, boleh saya bangkitkan - di mana pihak Yang Berhormat dari Gua Musang telah diperintahkan supaya membayar

kos. Jadi, dalam keputusan itu, pada pandangan kita memanglah tidak munasabah. Dia bukan satu pihak, yang dibawanya ialah pihak yang kertas pencalonannya ditolak dan dinamakan Yang Berhormat Gua Musang sebagai defendant yang pertama, SPR dan sebagainya. Kes mahkamah itu bukan dibawa oleh Yang Berhormat dari Gua Musang, tetapi apabila kes itu di bawa ke mahkamah, dia diperintahkan supaya membayar kos. Jadi, kita memikirkan, di dalam sistem kehakiman - kita cukup tidak puas hati, tetapi kita tidak boleh merayu, ini yang menjadi masalahnya.

Jadi, dalam soal-soal yang seperti itu pun, yang menimbulkan banyak, tidak munasabah langsung orang yang tidak memulakan prosiding di mahkamah tetapi diperintahkan membayar kos di mahkamah.

Jadi, kita hendak pertikaikan keputusan itu tidak boleh, tetapi keputusan itu bagi kita amat tidak munasabah. Macam mana orang yang tidak memulakan prosiding di mahkamah di perintah membayar kos dan hasilnya bila kita membawa certiorari ke mahkamah ditolak, leave dan sebagainya. Itu, perkaranya Yang Berhormat. Kalau kita tidak boleh appeal terhadap keseluruhan keputusan pun sekurang-kurangnya keputusan-keputusan subsequence, sama ada berhubung dengan kos dan sebagainya itu boleh dirayu. Itu persolannya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya tidak nampak apa yang salah di situ, sebab kalau dalam apa kes sekalipun saya

sebagai plaintif, saya mengambil tindakan terhadap, sebagai contohnya, Yang Berhormat dari Machang sebagai defendan dan apabila saya selaku plaintif, saya menang kes, defendan bayar - itu biasalah sebab, kalau saya kalah oleh defendant, sayalah yang bayar kos. Saya ingat ini satu perkara biasa yang berlaku dalam perbicaraan mahkamah kita, iaitu dalam kes-kes ini ada yang

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Apa yang saya katakan tadi, apa yang berlaku dalam kes Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang. Saya sebut contoh, calon Barisan Nasional mengemukakan satu petisyen pilihanraya. Kertas pencalonan di tolak oleh SPR, bukan di tolak oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang. SPR yang buat kerja ini, sama ada kertas pencalonan itu baik, tak baik, SPR tolak, kemudian dibawa ke mahkamah. Bukan tindakan itu dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, tiba-tiba Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang diperintah membayar kos atas kesilapan yang dibuat oleh SPR. Tentulah tidak adil, bukan dia, of course, dari segi undang-undang dia dinamakan sebagai satu pihak dalam kes tetapi dia di perintah bayar atas kesilapan yang dibuat oleh SPR. Itu yang berlaku dalam kes ini. Jadi, kalau perkara-perkara seperti ini pun tidak ada peruntukan mengenai rayuan, ini

sangat-sangat mendukacitakan. Sebab itu, saya cadangkan tadi supaya peruntukan ini dikaji semula dan ruang untuk merayu diberi. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya percaya iaitu bahawa apa sahaja keputusan yang diambil sudah tentulah keputusan itu diambil daripada kuasa yang membolehkan hakim untuk mengambil keputusan yang sedemikian. Saya tidak percaya bahawa hakim-hakim telah masuk ke dalam mahkamah dengan satu niat iaitu sentiasa hendak membuat keputusan yang tidak memihakkan kepada pembangkang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya tidak bermaksud begitu, ini jangan lari daripada fakta ini. Saya tidak pernah menuduh hakim ini dengan masuk ke mahkamah berniat, yang saya cakap ini ada dari segi peruntukan undang-undang. Saya tidak ada niat hendak menuduh hakim itu begitu begini - tidak. Keputusan dia saya hormati, tetapi hak yang saya pertikaikan tadi hak untuk merayu. Kalau kita tak puashati terhadap keputusan takkanlah kita tidak boleh membangkit perkara ini kepada mahkamah yang lebih tinggi. Saya tak kata bahawa hakim buat keputusan menyebelah pembangkang, menyebelah kerajaan - itu saya hormat, keputusan itu saya hormat, do not misquote me on that matter. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya lihat Ahli Yang Berhormat dari Machang ini balik-balik bercakap perkara ini,

sebab dia kata dia hormat keputusan, tetapi bila hakim buat keputusan, dia tak hormat, dia pertikai. Saya rasa kalau pertikai keputusan itu tak hormatlah.

Jadi, kepada saya, berkenaan dengan soal rayuan tadi, saya sudah jawab iaitu bahawa kita perlukan kepada kemuktamadan.

Jadi, sebab itu saya minta maaflah kalau Ahli Yang Berhormat dari Machang mengatakan iaitu bahawa saya cuba untuk meletakkan sesuatu ke dalam mulut Ahli Yang Berhormat - tidak! Sebenarnya, saya cuma menjawab berasaskan kepada apa yang Ahli Yang Berhormat sebutkan, kerana Ahli Yang Berhormat mempertikaikan keputusan hakim, maka sebab itulah saya katakan Ahli Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan dia. Jadi, saya ingat, saya tak salah dalam hal ini kalau mengambil kesimpulan yang sedemikian.

Tuan Pengerusi, saya juga tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian membangkit masalah iaitu bahawa Perdana Menteri lah yang mula sekali mengkritikkan kehakiman. Tidak ada sesiapa yang mempertikaikan bahawa kehakiman tidak boleh dikritik. Jadi, saya tidak faham mengapa perkara ini dibangkitkan. Hari ini yang kuat mengkritikkan kehakiman ialah pihak pembangkang. Tidak ada masalah, kerajaan tidak kata tidak boleh kritik pula, jadi mengapa hendak buat alasan pula iaitu bahawa Perdana Menteri yang pertama sekali mengkritik kehakiman seolah-olah kita di pihak kerajaan tidak mengizinkan mereka untuk mengkritik kehakiman.

Jadi, saya tidak nampak apa sebenarnya kekuatan dalam pihak Kubang Kerian untuk membangkitkan perkara ini yang tidak ada kaitan langsung dengan apa yang dibahaskan pada hari ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Bandau dan Tuaran yang ada kaitan dengan perkhidmatan awam. Saya ingin memaklumkan di sini iaitu bahawa pihak perkhidmatan awam sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan seadil-adilnya kepada seluruh rakyat yang ada di dalam negara kita tanpa mengira sama ada di Sabah ataupun di Sarawak.

Saya harap iaitu bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandau dan Tuaran tidak membawa bagej yang lama iaitu seolah-olah mereka yang berada di Sabah itu sentiasa didiskriminasikan oleh pihak-pihak tertentu. Kita sebenarnya, tidak berbuat demikian sama ada di Bandau, di Tuaran atau di mana-mana, itu merupakan tetap rakyat Malaysia dan kita akan cuba seberapa yang boleh untuk memberikan perkhidmatan yang sebaiknya oleh perkhidmatan awam kepada rakyat tanpa mengira dairpada mana mereka datang.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan JPM ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM465,000 untuk Maksud B.5; RM1,125,400 untuk

Maksud B.10 dan RM28,579 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM465,000 untuk Maksud B.5; RM1,125,400 untuk Maksud B.10 dan RM28,579 untuk Maksud B.13 diiperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1995.

**Maksud B.15 dan B.16 [Jadual] -
Maksud P.16 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1995] -**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.15 dan B.16 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

5.46 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, perancangan dan pelan-pelan bangunan yang mana kita lihat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Saya ingin bertanya dalam perancangan-perancangan mereka ini, adakah selalu diadakan pertemuan di antara jabatan-jabatan seperti Jabatan Pertanian, Perumahan, Jabatan Kerja Raya, Alam Sekitar dan lain-lain bila hendak membuat sesuatu perancangan pembangunan di sesuatu tempat? Sebab, kita lihat sekarang ini seolah-olah tidak ada keseragaman dalam masalah merancang sesuatu projek pembangunan atau hendak membangunkan sesuatu kawasan dan sesuatu daerah.

Misalnya, kita di Kuala Lumpur sekarang yang bermastautin di Kuala Lumpur bila naik sahaja pokok hujan, kita nampak sahaja mendung, kita sudah naik bimbang bahawa akan berlaku jam, akan berlaku banjir kilat di sana dan di sini. Dan sudah tentu pihak perancang pembangunan telah tahu kapasiti hujan, kapasiti air yang perlu dialirkan ke sungai dan ke laut dengan begitu cepat, tetapi kita nampak kadang-kala itu perancangan di satu pihak, di pihak sesuatu kementerian tidak ada penyelarasan dengan kementerian yang lain. Barangkali ada, tetapi kami nampak macam tak ada, tetapi barangkali ianya ada perancangan itu, tetapi kita nampak keseragaman itu tidak berlaku.

Misalnya, bila berlaku sahaja hujan lebat di Kuala Lumpur sekarang ini, begitu hebat sekali sehingga dahulu jalan yang tidak pernah dinaiki air, hujan sebanyak itu juga di Lembah Klang ini, tetapi sekarang bila hujan lebat kita hendak ke airport misalnya daripada mana sekalipun bimbang sebab jalan daripada Federal Highway ke lapangan terbang sekarang sudah mula

ditenggelami air. Baru-baru ini, kita lihat orang yang balik kerja sampai ke rumah masing-masing sehingga pukul 2.00 pagi pun ada kerana tersangkut dalam jam dan banyak penerbangan tergendala. Bila kita bertanya, kenapa penerbangan tergendala, kerana peramugari dan kapitan pilot kapal terbang yang duduk di Subang Jaya tak dapat sampai ke airport.

Ini berlaku bukan di kawasan yang dahulunya ditenggelami air, kawasan itu bukan kawasan banjir tetapi sekarang sudah jadi kawasan banjir. Jadi, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini bila meluluskan projek-projek di sekitar kawasan itu untuk pembinaan HICOM, pembinaan kilang Proton, kilang memperbaiki kereta dan sebagainya, naiknya sekolah Jepun di situ dan beberapa bangunan di kawasan itu, adakah dikaji bahawa aliran air yang akan lari di kawasan itu tersangkut dengan bangunan-bangunan itu menyebabkan ia terlimpah ke jalan raya dan menyebabkan tergendala dan juga MAS juga mungkin dan pihak Jabatan Penerbangan Malaysia terpaksa mengalami kerugian daripada perancangan yang tidak teratur ini?

Kita tidak mengalami masalah kalau ianya sudah dikenali sebagai kawasan yang selalu banjir tetapi kawasan itu bukan kawasan yang selalu ditenggelami banjir tetapi perancangan yang tidak seimbang menyebabkan kawasan itu mudah dinaiki banjir.

Begitu juga pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini kena perhatikan bahawa selalunya hujan walaupun sejam atau dua jam kawasan ini tak boleh dilalui ataupun kereta terpaksa berbaris dibuka satu lorong daripada tiga lorong seperti dekat dengan flat Jalan Pekeliling, persimpangan Subang

Jaya hendak pergi ke airport, persimpangan Jalan Duta ke Damansara, dekat dengan jejambat untuk menghala ke Sunway, semuanya ini berlaku sahaja hujan selama setengah jam atau sejam, jalan-jalan ini akan ditenggelami air.

Jadi, kita tekankan di sini, adakah perancangan dibuat dengan teliti sebab kita tidak boleh kata takdir, sebab kawasan ini dahulu tidak ditakdirkan banjir tetapi sekarang banjir, sudah tentulah perancangan-perancangan ini perlu diperhatikan.

Begitu juga kita lihat masalah Taman Sri Muda, walaupun ia berlaku di Shah Alam - kawasan bandar yang tumbuh yang dikatakan dirancang dengan teliti dan baik dan ia berlaku selepas daripada tahun 1970, ertinya ia berlaku dengan Perancang yang teliti. Tetapi kita lihat sekarang, masalah banjir yang begitu hebat sekali di Taman Sri Muda sehingga ditenggelami 2 hingga 4 kaki.

Dulunya kawasan ini juga bukan dianggap kawasan banjir. Kita mendapat maklumat bahawa pihak Jabatan Kerja Raya ataupun pihak-pihak kementerian yang memberi pandangan tidak didengar oleh mereka yang terlibat di dalam projek perumahan dan juga pihak yang meluluskan projek itu dapat tekanan daripada pemaju perumahan dengan mengenyepikan pandangan yang diberi oleh pegawai-pegawai kerajaan yang mengatakan bahawa kawasan itu kalau hendak dibina rumah mesti ditambah beberapa kaki untuk mengelakkan banjir. Tetapi oleh kerana pemaju-pemaju perumahan ini begitu berkuasa, sehingga boleh menundukkan pegawai-pegawai kerajaan dan Exco pula ataupun pihak yang lebih atas lebih tunduk kepada kehendak-kehendak pemaju, pandangan pegawai-pegawai kerajaan kadang-kala tidak diambil perhatian,

akibatnya Taman Sri Muda sekarang, hujan 2 jam, 3 jam, banjir 2 hingga 4 kaki.

Maka, kita haraplah unit ataupun Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini supaya kerja mereka lebih berhati-hati dan juga pandangan semua pihak daripada kementerian-kementerian lain perlu diambil kira dan juga pegawai-pegawai kerajaan mesti tegas walaupun dengan Menteri, walaupun dengan Exco.

Kalau mereka kata di sini tidak sesuai bina bangunan, tidak sesuai dibina kawasan perumahan, mesti ditambah 3 kaki ke atas, pegawai kerajaan jangan tunduk, mereka mesti pegang dengan konsep profesional, kajian yang mereka mengaji begitu lama, peringkat Ph.D, Master dan sebagainya. Jangan tunduk kepada pengusaha ataupun pihak Exco yang kadang-kalanya mereka ini hendak kepada pembangunan dan keuntungan yang cepat, pandangan pegawai-pegawai kerajaan pun dilanda begitu sahaja, pandangan golongan profesional tidak dihormati, akibatnya yang akan menerima nanti semua rakyat yang akan menerima beban daripada akibat kecuaiannya yang dilakukan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan lain-lain lagi kementerian. Sekian, Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yan.

5.54 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga, Tuan Pengerusi. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, elok tidak eloknya sesuatu bandar, cantik tidak cantiknya sesuatu pekan itu, Tuan Pengerusi, terletak kepada pegawai-pegawai di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, sebab dikatakan perancang bandar dan desa. Samalah dulu kita lancar perancang keluarga, merancang sesuatu, merancang keluarga dan sebagainya.

Jadi, Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai ini patut pandang jauh ke hadapan supaya mereka merancangkan sesuatu bukan untuk generasi hari ini tetapi untuk generasi yang akan datang. Kalau kita tengok di Melaka, dulu jalan kecil-kecil sahaja; lorong, tetapi sekarang bila sudah maju dan sebagainya lorong itu tidak boleh pakai, kereta pun sudah tidak boleh selisih. Jadi, bermakna mereka patut pandang jauh ke hadapan, bukanlah bermakna Jabatan Perancang Bandar dan Desa tidak buat kerja, janganlah kecil hati pula, Tuan Pengerusi. Saya kena beritahu, sat ni kadang-kadang kita ini, Tuan Pengerusi, kita tegur sedikit pegawai kerajaan mereka marah [*Ketawa*], kita tidak tegur pun rakyat marah kepada kita. Kita pergi ke Dewan Rakyat buat apa? Jadi, serba salah! Hendak kulum tidak boleh, hendak telan tidak boleh, ini macam mana, Tuan Pengerusi? Jadi, kadang-kadang kalau terpaksa kata, saya katalah! Janganlah marah pula ya!

Jadi, Tuan Pengerusi, kita tengok macam tadi Yang Berhormat dari Kelantan dia bercakap pasal Kuala Lumpur. Saya hendak bercakap pasal kampung dan daerah sayalah dan juga pekan Yan ataupun bandar Alor Setar. Sekejap lagi baru saya hendak bercakap pasal Kuala Lumpur. Jadi, Tuan Pengerusi, kita tengok hari ini apabila mereka hendak buat, hendak lulus satu-satu projek perumahan, kadang-kadang jalan hendak masuk ke taman perumahan itu sudahlah sempit, untuk orang yang sekian ada pun kalau lalu pun hendak selisih susah, tetapi mereka lulus juga projek hendak buat perumahan dan tidak lulus projek hendak perbesarkan jalan. Jadi, jalan itu sempit, Tuan Pengerusi. Jenuh hendak berebut satu jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya mintalah Yang Berhormat.... kerana dalam jawatankuasa ini kita ada dua hari.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Oh, dua hari ya?

Tuan Pengerusi: Hari ini sudah hendak habis, kemudaian hari Isnin sehari lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, saya hendak beritahu, takut pula mereka silapkan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi, yang itulah juga. Tidak usahlah diulang-ulang lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Gitu? Tidak apalah, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap lainlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dan lagi pula mengikut Peraturan Mesyuarat 67(9) mengatakan “Perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam Jawatankuasa hendaklah terhad kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja yang diminta diuntukkan belanja tambahan, perbahasan ini tidak boleh menyentuh dasar.....” Yang Berhormat berkata berkenaan dengan Yan ke ataupun Alor Setar ke, itu semua dasar tu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau begitu, terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Kepong.

5.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit mengenai maksud B.15, B.16 dan juga P.16. Tuan Pengerusi, walaupun apa yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi tadi iaitu tidak boleh menyentuh dasar tetapi untuk dasar yang spesifik boleh disentuh, Tuan Pengerusi? Dasar spesifik.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), kalau kita ada dasar mengenai JPBD boleh kita sebutkan.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Cuma Ahli Yang Berhormat dari Yan tidak tahu!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, dia perlu saya, Tuan Pengerusi, saya minta tarik balik. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Tidak apalah. Sila teruskan Kepong, ya. Kita pun tidak tahu dia tahu ataupun tidak. Dia tidak bercakap lagi ya! *[Ketawa]* Ya, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai JPBD yang baru-baru ini telah pun membuat satu perjanjian dengan satu syarikat - Syarikat Sepakat Komputer Konsultan Sdn. Bhd. untuk mempertingkatkan/mempermoden komputer di JPBD dan belanjanya bernilai RM2.5 juta dan dengan itu kita nampak JPBD sekarang menjelang tahun 2000 boleh membuat banyak pelan-pelan untuk seluruh negara terutamanya pelan struktur dan pelan tempatan.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa dengan pembelian kedua-dua pakej sistem 'real time visual stimulation' dan pakej pembekalan perkakasan dan pengisian komputer dijangka dapat mengatasi masalah berkaitan dengan data dan penggunaan sistem ini merupakan satu saluran sumber maklumat, Perancang dan pembangunan tanah yang akan menjadi asas kepada penghasilan semua Perancang dengan lebih berkualiti, cekap dan cepat.

Maka, Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada di dalam Rancangan Malaysia Ke-6 ini beberapa pelan struktur dan pelan tempatan telah pun disiapkan oleh JPBD ataupun melalui pihak berkuasa tempatan dalam tempoh lima tahun ini, Tuan Pengerusi.

Setahu saya, hanya 22 pelan struktur yang telah pun disiapkan untuk tempoh 5 tahun ini. Sangat kurang, Tuan Pengerusi. Hanya 22 pelan struktur dan apakah sebenarnya pada akhir tahun 1995, bilangan yang disiapkan? Bukan sahaja pelan struktur untuk bandar, bahkan juga perancangan pusat pertumbuhan desa. Berapakah yang telah disiapkan untuk Rancangan Malaysia Keenam dan saya hendak bertanya apakah rancangan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh, bilangan pelan struktur yang diunjurkan dan bilangan pusata pertumbuhan desa yang diunjurkan?

Misalnya, untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pelan struktur, telah pun mula diadakan pada tahun 1981 dan diwartakan pada 1982, tetapi 14 tahun kemudian, pelan ini belum lagi dikaji semula. Walaupun pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada Jabatan Perancang Bandar dan di dalam Jabatan Perancang Bandar pun ada juga bahagian untuk pelan struktur.

Saya nampak banyak pelan dan projek diluluskan di Kuala Lumpur, tetapi 14 tahun kemudian, saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengambil perhatian mengapa 14 tahun pelan struktur Kuala Lumpur ini tidak dapat dikaji semula?

Bagi saya, setiap 5 tahun pun, pelan itu mungkin ketinggalan zaman dengan pembangunan yang begitu pesat untuk Kuala Lumpur. Bukan sahaja macam itu, Tuan Pengerusi, misalnya untuk 14 tahun ini, untuk bangunan Parlimen dan untuk perkarangan Parlimen pun, banyak perubahan. Sekarang

sudah ada projek untuk Dewan Serbaguna yang sedang dibina dan di dalam 14 tahun ini di Kuala Lumpur, lebih dahsyat lagi, Tuan Pengerusi.

Saya minta kementerian supaya mempertingkatkan koordinasi penyelarasan di antara pihak berkuasa tempatan. Misalnya, Kompleks Desa di satu sudut Taman Kepong sebahagiannya terletak di dalam kawasan negeri, tetapi sebahagiannya terletak di kawasan Dewan Bandaraya. Tetapi kompleks ini dibina di persimpangan bertingkat. Saya pun hairan juga. Di persimpangan itu bukan main sibuk, diletakkan di tepi sahaja kompleks yang besar itu. Ini memang mewujudkan masalah. Masalah lalu lintas, masalah banjir, masalah tempat letak kereta dan sebagainya.

Walaupun DBKL ada rancangan dan ada garis panduan, tetapi pihak Majlis Daerah Gombak, Selangor meluluskan pelan untuk projek ini. Saya hairan kerana projek ini di sempadan. Mengapa pihak Majlis Daerah Gombak dapat meluluskan tanpa koordinasi dengan pihak DBKL. Mungkin pihak kementerian dapat mempertingkatkan koordinasi dan penyelarasan di antara pihak berkuasa tempatan supaya tidak wujud lagi masalah sedemikian.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B.16 dan P.16, tiap-tiap hari nampaknya ada 36 kebakaran di negara ini dan tiap-tiap hari kita kehilangan lebih RM1 juta kerana kebakaran. Satu tahun, purata hampir RM400 juta hilang kerana kebakaran dan kehilangan di antara 70 ataupun 100 nyawa tiap-tiap tahun.

Dengan pembangunan yang begitu pesat, kita ada bangunan-bangunan mencakar langit dan menara berkembar Petronas di KLCC pun sekarang menjadi bangunan yang tertinggi di dunia buat ketika ini. Banyak lagi bandar-bandar baru dan industri-industri di seluruh negara.

Saya percaya, walaupun pihak bomba mempunyai kakitangan yang baik, ada seramai 7,665 orang kakitangannya, kebanyakannya adalah yang berkaliber, tetapi mereka tidak dapat menyelesaikan masalah dan menghadapi cabaran-cabaran yang begitu besar. Saya diberitahu bahawa pada tahun ini akan bertambah lagi bilangan kakitangan bomba sehingga 5,000 orang. Walau bagaimanapun, saya menyeru supaya lebih banyak stesen bomba dibina dan sekarang ada 177 stesen di seluruh negara. Ini tidak mencukupi dan saya berharap lebih banyak stesen dapat dibina.

Mengenai alat-alat yang dibeli, walaupun Maksud P.16 juga menyebutkan pembelian beberapa alat untuk bomba, peruntukan bagi tahun lepas dan tahun ini adalah sebanyak RM46 juta. Itu tidak mencukupi untuk membeli alat-alat yang canggih. Baru-baru ini saya nampak kementerian ada membeli 10 buah supergiro daripada Jepun yang tangganya boleh mencapai ketinggian 45 ataupun meter, tetapi tidak cukup.

Saya berharap tidak akan berlaku kebakaran di bangunan tinggi seperti towering inferno.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana 45 meter sahaja, tidak tinggi. Tidak apalah, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan kepada dia?

Dr. Tan Seng Giaw: Kita akan habis pada hari Isnin, sebab saya tengok tidak banyak lagi. Walaupun maksud dan butiran itu banyak tetapi tidak banyak orang akan mengambil bahagian.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari Kepong tadi, saya ingat pandangan yang baik dari segi kelengkapan kereta-kereta bomba ini dan beliau menyebut juga tentang bangunan Petronas yang tinggi. Saya hendak bertanya kepada beliau, seandainya ada kebakaran yang tinggi begini, adakah bermakna cara pendekatan untuk membasmi atau mencegah api ini kena berubah? Tidak boleh lagi hanya dengan menggunakan kereta bomba, mungkin akan datang dengan bangunan yang lebih tinggi, kalau terbakar mungkin helikopter datang untuk mencegah kebakaran. Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Rompin itu dia ada fikir sedikit. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Dia ada fikir sedikit ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan banyak. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, memang kita mesti cari cara-cara yang baru. Saya pun berminat untuk *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah 10 minit ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah hadkan Tuan Pengerusi. Kita mesti habis. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya. Ya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti habis. Saya tahu.

Tuan Pengerusi: Keputusan itu bukanlah keputusan yang dalam tangan Yang Berhormat seorang. Ada orang lain lagi ya. Ada 191 orang lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai supergiro ini, memang pihak kementerian mungkin lebih mengetahui daripada Yang Berhormat dari Rompin kerana saya tidak nampak mereka membeli helikopter. Saya tidak nampak.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cuma supergiro sahaja. Satu dua sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita akan habis Tuan Pengerusi. Tidak susah untuk...

Tuan Pengerusi: Saya tidak tahulah. Yang Berhormat tidak biasa duduk di sini lagi, ya? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup. Cuma satu dua ayat lagi, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Saya berharap latihan untuk kakitangan, latihan untuk orang-orang yang ada di bangunan-bangunan tinggi itu boleh dipertingkatkan supaya kita tidak akan menyaksikan kebakaran di bangunan yang tinggi kerana saya takut kalau berlaku kita akan menghadapi kehilangan nyawa yang banyak.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.14 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan teguran-teguran mereka akan diambil kira oleh kementerian ini dan untuk menjawab isu-isu yang dihuraikan tadi, saya akan menyentuh satu-dua antara isu yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menyentuh tentang Jabatan Perancangan Bandar dan Desa supaya jabatan ini mengambil kira rancangan yang perlu diadakan di dalam kawasan-kawasan pembangunan pesat seperti di Kuala Lumpur. Ini memang telah diambil kira dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jabatan ini hanya berfungsi sebagai jabatan teknikal untuk memberi perkhidmatan kepada pihak-pihak berkuasa yang sedia ada

seperti DBKL di mana pihak DBKL akan membuat sesuatu keputusan tentang kemajuan di dalam kawasan yang ditadbir oleh DBKL itu. Sebagai jabatan yang memberi perkhidmatan servis teknikal ini, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memang mengikuti lunas-lunas yang sedia ada tentang perancangan bandar dan juga mengikuti pelan struktur dan pelan induk yang sedia ada bagi kawasan seperti bandaraya Kuala Lumpur itu dan kita maklumkanlah pelan-pelan yang ada ini sudah berusia lama kerana ia sudah dibuat agak lama. Pelan-pelan ini sedang diteliti dan di mana tidak sesuai lagi digunakan, ia akan dipinda dan diubah suaikan supaya selaras dengan perkembangan masa dan kemajuan di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Masalah seperti Taman Seri Muda di mana ada berlaku banjir kilat dan sebagainya, semua perkara ini sedang dikaji oleh satu jawatankuasa yang diketuai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa terlibat juga dalam jawatankuasa ini dan jawatankuasa ini akan membuat ketetapan macam mana kita boleh menyelesaikan masalah banjir kilat di dalam kawasan perumahan Taman Seri Muda itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Yan juga menyentuh perkara yang sama dan saya harap perkara-perkara yang saya sebut tadi itu akan menjadi satu panduan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya lebih sedar tentang....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, hendak beri jalankah atau tidak?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, adakah atau tidak pandangan pegawai kerajaan yang membuat kajian sesuatu kawasan itu tidak sesuai dibina perumahan atau bangunan tetapi pandangan itu akhirnya tidak dihormati dan pandangan pegawai kerajaan itu tinggal di atas kertas itu sahaja? Adakah atau tidak peristiwa seperti itu?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Pengerusi, saya tidak dapat memberi apa-apa alasan yang tepat terhadap perkara ini. Saya sudah sebutkan pegawai-pegawai dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memang mengikuti kehendak-kehendak atau lunas-lunas perancangan bandar dan desa supaya mereka boleh berfungsi sebagai penasihat teknikal kepada pihak-pihak yang membuat keputusan itu. Sama ada pihak-pihak yang ada kuasa untuk mengambil kira nasihat itu terpulanglah kepada agensi-agensi yang berkenaan yang membuat ketetapan itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyebutkan adakah pelan-pelan ini diubahsuai. Saya sudah memberi jawapan tadi, tetapi saya hendak jelaskan di sini pihak yang patut memulakan sesuatu tindakan untuk mengkaji semula atau mengubahsuai sesuatu pelan struktur adalah pihak yang ada kuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau Majlis Perbandaran atau pihak negeri masing-masing, sebab JPPD ini tidak secara sendirian mengambil ketetapan sama ada pelan itu perlu dipindahkan atau tidak. Kalau pelan itu perlu dipindahkan prosedurnya ialah daripada pihak yang berkuasa iaitu pihak negeri masing-masing.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Rompin bangun, Yang Berhormat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, sedikit penjelasan dari Timbalan Menteri mengenai dengan pelan struktur sama ada pelan-pelan yang dikemukakan untuk sesuatu bangunan itu menepati kehendak-kehendak Building By-Laws?

Selain daripada proses kelulusan pelan struktur ini, saya hendak membawa satu isu yang baru, minta sedikit penjelasan. Ada peruntukan dalam Building By-Laws, namun demikian keadaan pembangunan di negara kita amat berubah. Contohnya, sekarang ini kita ada bangunan yang amat tinggi - yang paling tinggi di dunia; keduanya, mungkin kehendak-kehendak semasa sebagai contoh kalau ada majlis yang dibuat pada pukul 7.30 malam, yang trafik jamnya banyak, kami masing-masing hendak pergi ke Hilton atau hotel-hotel besar, hendak sembahyang Maghrib tidak ada tempat, tidak ada satu kehendak dalam Building By-Laws, kadang-kadang pembangunan di satu kawasan perumahan disyaratkan mesti ada satu masjid - itu tempat perumahan. Tetapi kalau di bandar - bagi mereka yang datang bukan lagi boleh kembali ke rumah pukul 5.00 petang, pergi makan malam pada pukul 8.00 malam - kemudian datang kembali.

Adakah kerajaan boleh mengkaji kembali kedudukan masalah Building By-Laws ini supaya kita tidak ketinggalan zaman, seperti dari segi kehendak keselamatan, kalau ada kebakaran di bangunan yang amat tinggi - kena ubah

kehendak Building By-Laws ini? Sekarang ini mereka tidak berkesempatan untuk balik ke rumah terus pergi makan malam, tidak ada tempat untuk bersembahyang - tidak ada surau. Di Pan Pacific ada surau, tetapi kena pergi tiga lapis ke bawah, masuk dapur kiri, dapur kanan baru jumpa surau. Pergi ke satu hotel yang lain seperti Hotel Istana boleh tahan, ada surau dan tempatnya baik, hendak pergi ke surau itu memang tidak ada. Tetapi kehendak zaman sudah berubah. Jadi adakah kerajaan dari semasa ke semasa sanggup mengkaji kembali peruntukan-peruntukan dalam Building By-Laws ini dan kalau perlu ubahsuai kembali untuk mengambil kira perubahan keadaan hidup di negara kita, sebagai contoh yang saya sebutkan tadi.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Memang teguran itu amat tepat, kementerian ini sentiasa cuba untuk mengup-datekan, dengan izin undang-undang yang sedia ada seperti Akta Perancangan Bandar dan Desa, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dan sebagainya. Kita akan cuba memenuhi kehendak masa ke semasa di mana yang sesuai digunakan itu akan dimasukkan dalam Undang-undang Kecil kita.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang saya hendak sebutkan, di sini saya tidak ada angka yang tepat bagi Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang ada mengemukakan soalan mengenai berapa jumlah pelan struktur yang sudah

dibuat dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) ini. Saya akan cuba membekalkan kepada beliau di masa akan datang.

Mengenai perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan perkhidmatan bomba, sukalah saya sebutkan di sini pihak kementerian ini memang cuba dalam usahanya untuk mendapatkan lebih banyak balai bomba dibina khasnya di kawasan-kawasan yang mengalami pembangunan pesat di mana trafiknyanya akan mengalami kesesakan.

Kita juga akan mengadakan balai bomba kecil atau substesen dan kita akan membina lebih banyak substesen lagi supaya kenderaan-kenderaan bomba ini boleh sampai ke tempat-tempat kebakaran dengan lebih senang supaya masa yang diambil itu akan dipendekkan.

Mengenai melawan kebakaran di bangunan-bangunan tinggi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat supergiro ini hanya boleh dapat melawan kebakaran dari segi luar sampai 10 tingkat sahaja. Kalau kebakaran berlaku di tingkat yang lebih tinggi lagi, memang kita tidak boleh gunakan supergiro ini. Cara untuk melawan kebakaran dalam bangunan-bangunan tinggi ialah melalui facilities atau melalui alat-alat yang sedia ada di dalam bangunan itu sendiri seperti Petronas Twin Towers sekarang, memang ada reka bentuk di dalam bangunan itu, kalau berlaku kebakaran di dalam tingkat yang atas alat-alat yang sedia ada dalam bangunan itu boleh digunakan, sama ada oleh pasukan

bangunan tersebut atau daripada anggota-anggota bomba yang sampai ke bangunan tersebut.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya sedikit, seandainya kebakaran berlaku di tengah-tengah (separuh) - ini adalah teori Kepong, ini saya tidak bersetuju, tetapi kalau betul saya bersetuju, bermakna putuslah hubungan ke tingkat-tingkat yang lebih tinggi. Seandainya begitu bagaimana? Adakah kerajaan juga bercadang untuk menggunakan cara-cara lain seperti yang dikatakan tadi, di luar negara sudah digunakan helikopter sebagai alat mencegah kebakaran? Seandainya perkara itu berlaku, saya minta sedikit penjelasan, sebab kaedah-kaedah yang baru ini elok kerajaan ambil kira juga, sebab DAP pun sudah bersetuju, jadi tak usah tanya lagilah, kalau tidak nanti dia kata cerita lain pula.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam bangunan tinggi ini memang ada reka bentuk satu safe passage daripada tingkat tertinggi sampai ke bawah - memang ada satu safe passage, ia direka bentuk supaya api tidak sampai ke safe passage itu. Safe passage itu akan digunakan oleh anggota-anggota bomba apabila mereka sampai ke bangunan tersebut untuk melawan api. Kita juga akan menentukan safe passage ini akan sentiasa dilindungi dan diberi tumpuan dari segi alat-alat dan dari segi bahan-bahan yang digunakan oleh construction itu, iaitu fire resistance material, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi, masa pun tidak ada. Mungkin minggu hadapan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memaklumkan kepada Dewan siapa pakar yang memberi pandangan ini? Saya pun seorang jurutera juga, saya tidak begitu yakin bahawa keadaan itu boleh wujud, sebab dia banyak, kalau putus talian, katalah ada explosion di substesen Tenaga Nasional di tingkat tengah atau ke atasnya, talian api akan terputus, bagaimana perkara itu akan berlaku, tidak perlulah kita pergi secara teknikal, tetapi hanya sedikit sahaja. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan, siapa penasihat kita dalam hal apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk minggu hadapan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

